



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KEPENTINGAN PERLINDUNGAN DAN PENGURUSAN WARISAN KOMPLEKS MAKAM DIRAJA LANGGAR, KOTA BHARU, KELANTAN

Oleh

FATIN NAJIHAH BINTI MD DAUD

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah

Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA
 Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN
 Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
 Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT
 (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD
 (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

<p style="text-align: center;"><i>najihah</i></p> <hr/> <p>Tandatangan</p> <hr/> <p>980421-03-6172</p> <hr/> <p>No. Kad Pengenalan</p> <p>Tarikh : 26 Feb 2022</p>	<div style="text-align: right;">  <p style="font-size: small; margin: 0;">DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD. Pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300 Bachok, Kelantan</p> </div> <hr/> <p>Tandatangan Penyelia</p> <hr/> <p>Dr Daeng Haliza Binti Daeng Jamal</p> <hr/> <p>Nama Penyelia</p> <p>Tarikh : 26 Feb 2022</p>
---	--

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur dengan limpah kurniaan-Nya dapatlah pengkaji menyempurnakan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat kelayakan bergraduasi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, susulan pandemik covid-19 melanda tidak mematahkan semangat pengkaji untuk mengumpulkan data kajian dan semestinya mengikut prosedur operasi standard (SOP).

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar juga membimbing pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau yang banyak mendorong dengan kata-kata semangat kepada pengkaji sekiranya terdapat masalah semasa menjalankan kajian. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pekerja-pekerja di Makam DiRaja Langgar termasuk imam muda serta penolong kanan tadbir MAIK yang sangat berjasa kepada maklumat yang diperolehi pengkaji.

Tidak dilupakan juga ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga pengkaji yang banyak memberi dorongan kata-kata penguat semangat dan sentiasa memberikan yang terbaik dengan menyediakan kemudahan pengangkutan untuk pengkaji melaksanakan kajian ini. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sedikit sebanyak membantu dalam memberi kefahaman dalam menyelesaikan kajian ini.

Selain itu, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua pensyarah Pengajian Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan sepanjang pengajian pengkaji di sini.

Sekian Terima Kasih, W.b.t

FATIN NAJIHAH BINTI MD DAUD

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	iv
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Persoalan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Definisi Operasional	7
1.5.1 Perlindungan	7
1.5.2 Pengurusan	8
1.5.3 Komplek Makam DiRaja	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.6.1 Sejarah Negeri Kelantan kepada masyarakat	9
1.6.2 Makam menjadi pusat pelancongan sejarah dan agama	10
1.6.3 Perlindungan dan pengurusan warisan kepada institusi	11
1.7 Organisasi Penulisan	12
BAB II SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Teori Pengurusan Organisasi Teori Henry Fayol 1916	14
2.3 Sorotan Kajian Lepas	17

2.3.1	Perlindungan	17
2.3.2	Pengurusan	23
2.3.3	Komplek Makam DiRaja	29
2.4	Kerangka Teoritikal	32
2.4.1	Kerangka Teori Organisasi Pengurusan Henry Fayol 1916	32
2.2.1	Fungsi-fungsi pengurusan	33
BAB III METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	43
3.2	Proses Pengumpulan Data	43
3.2.1	Data Primer	44
3.2.2	Data Sekunder	46
3.2.3	Kualitatif	48
3.3	Kaedah Analisis Data	49
3.3.1	Analisis Data Kualitatif	49
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.5	Kesimpulan	55
BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	56
4.2	Analisis Dapatan Temu Bual	56
4.3	Analisis Latar Belakang Makam	61
4.3.1	Sejarah Pembinaan Makam DiRaja Langgar	61
4.3.2	Tahun Pembinaan Makam DiRaja Langgar	63
4.3.3	Tokoh-tokoh Terpenting Pada Zaman Kegemilangan Islam Negeri Kelantan	64
4.3.4	Nama 'Makam DiRaja Langgar'	69

4.4 Analisis Keadaan Semasa Makam	70
4.4.1 Jenis Kerosakan	70
4.4.2 Prosedur Pemindahan Makam Disebabkan Faktor-Faktor Tertentu	71
4.4.3 Keadaan Semasa Makam	
4.4.4 Perubahan Rekabentuk Asal Makam	74
4.4.5 Projek Pemuliharaan	76
4.4.6 Langkah-langkah Mengekalkan Keadaan Fizikal Makam	80
4.5 Analisis Peranan Pihak Berkepentingan	81
4.5.1 Perancangan	81
4.5.2 Pengorganisasian	82
4.5.3 Pengarahan	83
4.2.1 Pengendalian	83
4.6 Analisis Teori	84
4.7 Kesimpulan	89
BAB V RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP	92
5.1 Rumusan Kajian	92
5.2 Cadangan	94
5.2.1 Penglibatan Organisasi Luar	94
5.2.2 Sebagai Tapak Pelancongan Keagamaan	94
5.3 Penutup	95
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

Kepentingan Perlindungan dan Pengurusan Warisan Makam DiRaja Langgar, Kota Bharu, Kelantan

ABSTRAK

Sejarah perkembangan Islam di Kelantan ini secara tidak langsung menjadi ingatan dan titik bersejarah kepada masyarakat setempat terutamanya masyarakat Kelantan. Raja-Raja Kelantan kebanyakannya dikebumikan di Makam DiRaja Langgar yang merupakan tanah pemakaman Islam yang telah menempatkan makam-makam kesultanan sejak kemangkatan Long Yunus (1765-1795), iaitu pengasas kesultanan Kelantan moden. Hal ini menjadikan Makam DiRaja Langgar sebagai salah satu destinasi buat rakyat jelata untuk menziarahi makam-makam Sultan dan Raja Kelantan. Kajian terhadap makam ini bertujuan melihat sejauhmana perlindungan dan pengurusan yang dilakukan oleh pihak berkepentingan iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) serta menganalisis peranan mereka dalam menguruskan makam ini. Kajian ini dibincangkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temubual dan pemerhatian. Begitu juga kajian ini menggunakan pendekatan Teori Pengurusan Henry Fayol 1916 yang diaplikasikan dalam pengurusan terhadap Makam DiRaja Langgar. Hasil dapatan kajian melalui temu bual dan pemerhatian mendapati mereka mempunyai pengetahuan luas mengenai sejarah dan latar belakang pembinaan serta keadaan semasa Makam DiRaja Langgar begitu juga peranan pihak bertanggungjawab berada tahap memuaskan kerana makam-makam di sini masih dilindungi dan pengurusannya dalam keadaan baik juga terkendali.

Kata Kunci : Perlindungan, Pengurusan, Peranan, Keadaan, Warisan, Makam

The Importance of Protection and Heritage Management of the Langgar Royal Tomb, Kota Bharu, Kelantan

ABSTRACT

The history of the development of Islam in Kelantan is indirectly a memory and a historical point to the local community, especially the Kelantan community. The Rulers of Kelantan are mostly buried in the Langgar Royal Tomb which is an Islamic burial ground that has housed the sultanate's tombs since the death of Long Yunus (1765-1795), the founder of the modern Kelantan sultanate. This makes the Langgar Royal Tomb as one of the destinations for the general public to visit the tombs of the Sultan and King of Kelantan. The study of this tomb aims to see the extent of protection and management done by the stakeholders, namely the Kelantan Islamic Religious Council and Customs (MAIK) and analyze their role in managing this tomb. This study is discussed using a qualitative approach namely interviews and observations. Similarly, this study uses the approach of Henry Fayol's 1916 Management Theory which is applied in the management of the Langgar Royal Tombs. The results of the study through interviews and observations found that they have extensive knowledge of the history and background of construction and the current situation of the Langgar Royal Tomb as well as the role of the responsible party is satisfactory because the tombs here are still protected and well managed.

Keywords: Protection, Management, Role, Condition, Heritage, Tombs

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Makam merupakan tinggalan masa lalu yang menarik perhatian kepada penyelidik untuk memahami betapa makam ini mempunyai kepentingan sebagai sumber sejarah walaupun sejarahnya tidak dapat ditentukan namun ianya masih mempunyai nilai-nilai sejarah. Makam ini menunjukkan bahawa terdapatnya masyarakat yang bergolongan pembesar berdasarkan jumpaan batu-batu nisan (Soekmono,1981). Makam juga menjadi tempat yang dipanggil keramat yang terkenal dengan unsur-unsur magis dan adanya kekuasaan yang luar biasa. Makam yang dikenali keramat ini haruslah dibersihkan dan didoakan arwahnya dengan cara Islam seperti bacaan yaasin dan mengadakan tahlil. Suatu ketika dahulu, keramat ini biasanya terdapat upacara seperti membawa makanan ke makam dan dibaca doa oleh ketua kampung atau bomoh, kemudiannya makanan itu dicurahkan ke atas makam dan dibiarkan menurut kepercayaan penduduk setempat sebelum penerimaan Islam (Syam, 2007).

Selain itu, makam bukan sahaja dalam bentuk kubur atau pusara tetapi juga terdapat dalam bentuk bangunan yang unggul dan bangunan agam. Piramid dalam kebudayaan mesir purba dibangunkan bertujuan sebagai tempat pemerintahan Imhotep atau Firaun tetapi kini tempat itu dijumpai dengan makam-makam yang berisi mayat mumia. Mereka percaya akan keabadian hidup selepas mati. Cara budaya Mesir Purba menyimpan mayat ini mestilah disimpan di dalam piramid atau gua batu dengan sekeliling makam mayat itu dituliskan dengan perkataan hieroglif yang

menceritakan perjalanan hidup selepas mati. Seterusnya contoh lain bagi memperihalkan pula adalah bangunan Taj Mahal yang dibangunkan oleh Shah Jahan pada tahun 1632 sebagai bukti cinta kepada isterinya, Mumtaz. Shah Jahan sendiri dimakamkan bersama isterinya di dalam Taj Mahal itu. Hal ini kerana untuk menunjukkan kepada dunia bahawa bangunan ini dimaksudkan untuk mengabadikan kedua-dua pasangan ini (Agus,2007).

Makam merupakan warisan ketara (warisan tampak) dalam kategori warisan monumen dan tapak warisan. Warisan ketara ialah warisan kebudayaan ketara yang termasuk kawasan, monumen dan bangunan. Tafsiran warisan kebudayaan ketara adalah berdasarkan sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. “Warisan Kebudayaan” berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2003 termasuklah “tangible or intangible forms, property, structures, or cultural artifacts and may include things, objects, details, artifacts, formative structures, dance performances, songs, heritage music” yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi (AWK, 2003). Di Malaysia, terdapat satu makam yang mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Negara iaitu Makam Pahlawan yang dimakamkan di dalam Masjid Negara. Pemilihan Makam Pahlawan sebagai Warisan Kebangsaan ialah dengan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan (Jabatan Warisan Negara, 2007). Manakala makam-makam yang lain pula hanya menjadi bukti sejarah prasasti zaman kegemilangan Islam di negeri-negeri dalam Malaysia. Antara makam-makam lama yang mendapat perhatian ialah Makam Diraja Langgar di Kedah dan juga Kelantan, seterusnya Makam Diraja Perak dan juga makam-makam diraja dalam setiap negeri yang lain. Biasanya sejarah disebalik makam-makam lama ini sebenarnya menjadi bukti bahawa pemerintah-pemerintah

terdahulu yang menyumbangkan kepada penerimaan ajaran Islam yang awal di Tanah Melayu sehingga Tanah Melayu menjadi salah satu negara Islam di Asia Tenggara. Di Kelantan, pemerintahan Islam yang paling cemerlang dalam catatan sejarah adalah pada zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang (1024-1088/1615-1677 M). Hal ini kerana tidak berlaku sebarang pergolakan pada zaman itu dan kehidupan masyarakat juga aman dan damai kerana perkembangan ekonomi yang pesat (Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan, 1891).

Perkembangan pemerintahan Islam di negeri Kelantan berlangsung dengan baik sepanjang tempoh 1465-1756 M berdasarkan catatan di dalam manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. Bahkan, pemerintahan Islam di Kelantan berlangsung dengan baik sehingga kini tanpa berlaku sebarang konflik yang serius. Kesannya, pemerintahan Islam di Kelantan telah berkembang semenjak wujudnya perlantikan ulama sebagai penasihat sultan dalam pentadbiran pada Zaman Kesultanan Melayu Kelantan bermula Sultan Muhammad I (1800-1837). Kemudian, pentadbiran Islam seterusnya dijalankan oleh penerus keturunan baginda dengan menambahbaik bahkan melakukan beberapa pengubahsuaian taraf pentadbiran Islam. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886) telah wujud jawatan mufti hakim seiring penubuhan Mahkamah Syariah. Ini jelas menunjukkan bahawa pemerintah kerajaan ketika itu memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Kelantan. Oleh itu, cabaran-cabaran dalam mengekalkan pemerintahan Islam pelbagai rintangan perlu dihadapi dan ditangani bagi memastikan kelangsungan Islam di negeri ini (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Haji Hamzah, 2018). Sejarah perkembangan Islam di Kelantan ini secara tidak langsung menjadi ingatan dan titik bersejarah kepada masyarakat setempat terutamanya masyarakat Kelantan. Raja-Raja Kelantan kebanyakannya dikebumikan di Makam DiRaja Langgar yang

merupakan tanah pemakaman Islam telah menempatkan makam-makam kesultanan sejak kemangkatan Long Yunus (1765-1795), iaitu pengasas kesultanan Kelantan moden (Radzi Sapiee,2011). Hal ini menjadikan Makam DiRaja Langgar sebagai salah satu destinasi buat rakyat jelata untuk menziarahi makam-makam Sultan dan Raja Kelantan. (Sinar Harian,2019)

Tumpuan kajian ini ialah tentang kepentingan perlindungan dan pengurusan warisan keatas Makam Diraja Langgar, Kota Bharu. Makam Diraja Langgar terletak di Kampung Langgar, Jalan Sultan Yahya Petra, bersebelahan dengan Masjid Langgar. Tempat ini merupakan tempat sultan-sultan, pembesar-pembesar dan usrah Diraja Kelantan yang telah mangkat, dimakamkan. Nama perkataan “Langgar” mula diguna pakai ketika pengasas Kesultanan Kelantan Moden, Long Yunus yang dimakamkan di makam ini pada 1798. Selain makam Long Yunus, terdapat juga makam-makam pemerintah lain yang menyusul selepas baginda dan juga makam pembesar-pembesar serta tokoh-tokoh ternama dari golongan kerabat Diraja Kelantan dan Pattani. Makam yang turut berada disini ialah makam Sultan Pattani yang terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin yang mangkat di Kota Bharu pada 1933 (Digital Kelantan Collection, 2021).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian terhadap Kepentingan Perlindungan dan Pengurusan Warisan Makam DiRaja Langgar merupakan kajian yang belum dijumpai dan dikaji. Makam lama di Jalan Sultanah Zainab dibawah pengurusan MAIK ini pernah mengalami masalah yang disebabkan pengurusan makam yang tidak terurus dengan baik kerana kerja-kerja pemindahan makam-makam lama yang dirombak tanpa prosedur (Sinar Harian, 2018). Oleh itu pengkaji ingin mengkaji sejauhmana pengurusan terhadap Makam DiRaja Langgar yang juga merupakan dibawah pengurusan MAIK. Hal ini seperti

yang dinyatakan Che Ibrahim Mohamed (2018), berkenaan proses pemindahan makam-makam lama ini yang didapati tidak mengambil kira sentimen umat Islam. Hal ini dapat menjejaskan sensitiviti masyarakat Islam apabila mengetahui waris mereka yang dimakamkan di tanah itu dimusnahkan dan digali tanpa ada prosedur yang betul. Perkara yang sama juga diulas Menteri Seni dan Kebudayaan Datuk Mohamaddin Ketapi (2018), yang telah merujuk maklumat atau rekod Jabatan Warisan Negara (JWN) berkenaan proses pemindahan jenazah di makam ini yang tidak mencatatkan sebarang rekod mengenai pemindahan-pemindahan jenazah di makam lama ini dalam simpanan JWN. Hal ini bermaksud, meskipun terdapat kesan pemindahan jenazah namun prosedur pemindahannya tidak mengikut ketetapan atau dibincangkan mahupun nasihat kementerian atau jabatan khususnya JWN. Permasalahan ini secara tidak langsung akan mengganggu pihak pakar sejarah yang menjalankan kajian dan dokumentasi untuk mendapatkan data dan mengumpul fakta berkaitan sejarah dan kepentingan wujudnya makam-makam lama serta tokoh-tokoh yang disemadikan di tanah perkuburan ini (Jabatan Warisan Negara, 2018). Hal ini mencerminkan sikap pihak yang bertanggungjawab ke atas makam seperti memandang enteng mengenai aspek melindungi dan mengurus warisan makam ini kerana sebarang koleksi warisan yang dialihkan tanpa kebenaran disabitkan kesalahan yang menyalahi undang-undang (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Abdul Samad Kechot, 2013).

Pengurusan bagi warisan makam ini perlulah dititikberatkan agar khazanah warisan negeri ini terus dikekalkan agar dapat memartabatkan nilai warisannya dan dapat dijadikan sumber rujukan sejarah mahupun pengetahuan am masyarakat terutamanya di Kelantan. Tanpa kewujudan makam-makam lama ini maka sejarah juga mudah dihapuskan dan diseleweng oleh masyarakat luar.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian mengenai Kepentingan Perlindungan dan Pengurusan Warisan keatas Kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.

- i. Apakah sejarah latar belakang kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan?
- ii. Bagaimanakah keadaan semasa makam di dalam kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan?
- iii. Sejauhmanakah pihak bertanggungjawab memainkan peranan dalam melindungi dan mengurus kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif yang mendorong pengkaji dalam membuat kajian mengenai Kepentingan Perlindungan dan Pengurusan Warisan keatas Kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu. Tiga objektif yang dikenalpasti perlu dicapai dalam kajian ini ialah:

- i. Meneroka latar belakang kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.
- ii. Menghuraikan keadaan semasa kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.
- iii. Menganalisis peranan pihak bertanggungjawab dalam perlindungan dan pengurusan kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada kepentingan perlindungan dan pengurusan warisan makam dan skop kajian ini diperlukan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

Makam ini ialah tempat atau kediaman bagi golongan yang berketurunan Raja pembesar, ulama dan juga tokoh-tokoh yang telah meninggal dunia. Makam yang dipilih ini ialah Makam DiRaja Langgar, Kota Bharu yang menghimpunkan makam-makam lama sejak zaman pemerintahan Long Yunus dalam kompleks makam ini. Kajian ini tertumpu di kawasan bandar Langgar, Kota Bharu, Kelantan. Berdasarkan sistem maklumat Makam DiRaja Langgar dalam portal Majlis Agama Islam dan Majlis Adat Istiadat Kelantan (MAIK), makam-makam DiRaja yang berada di dalam kompleks ini terdiri Makam DiRaja, Makam Kerabat Tengku Razaleigh dan Makam Kerabat Kerma.

1.5 DEFINISI OPERASIONAL

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah dan maksud kepada sesuatu konsep yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu pengkaji dalam menghuraikan serta memahami makna setiap istilah serta mengelak kesalahpahaman mengumpul data yang digunakan dalam kajian ini.

1.5.1 Perlindungan

Perlindungan dalam aspek warisan bererti melindungi, pengenalpastian, pemuliharaan, pembaikpulihan, pengubahelokan, penyelenggaraan, pendokumenan, dan kegiatan bangun semula perkara artifak, kawasan bersejarah atau tradisional dan persekitarannya (Akta Warisan Kebangsaan, 2005).

Perlindungan dan pemuliharaan diperlukan untuk memastikan artifak atau sesuatu tapak/bangunan yang mempunyai nilai warisan terus dikekalkan untuk tatapan generasi seterusnya. Pentingnya perlindungan dan pemuliharaan ini juga bertujuan memastikan sesuatu amalan dan kearifan yang menjadi identiti serta bukti ketamadunan suatu bangsa itu diamalkan dan dipertahankan. Pihak kerajaan telah melihat kesungguhan dalam melindungi warisan ini perlu diberikan perhatian

sewajarnya. Kerajaan mula memainkan peranan apabila melihat Jabatan Muzium Malaysia yang banyak memainkan peranan terhadap perlindungan warisan dan susulan itu kerajaan menubuhkan lagi pertubuhan yang khusus dan sesuai dengan tanggungjawab serta bidang kuatkuasanya berbanding Jabatan Muzium Malaysia iaitu dengan penubuhan Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006 (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Abdul Samad Kechot, 2013).

1.5.2 Pengurusan

Pengurusan ini juga ditakrifkan sebagai satu bidang yang menyelaras pengurusan yang meliputi perancangan, pengorganisasian, pengawalan, dan pemenuhan. Menurut Peter F Drucker (1982), Pengurusan ialah ciri-ciri atau pembentukan organisasi untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan anggota dalam organisasi untuk mencapai tujuan atau maklumat yang paling berkesan. Stoner (1984) mengatakan bahawa pengurusan adalah proses merancang, mengatur, memimpin dan mengawal usaha anggota organisasi dan penggunaan sumber lain untuk mencapai tujuan tertentu. Harold Koontz & Heinz Wiehrich (1912) pengurusan ditakrifkan sebagai proses merancang dan mengekalkan persekitaran dalam kumpulan organisasi di mana pekerja atau individu bekerjasama untuk mencapai tujuan atau objektif. Sebagai pengurus, adalah mustahak untuk melaksanakan fungsi pengurusan secara sistematik dalam merancang, mengatur, mengurus staf, memerintah dan mengawal.

1.5.3 Kompleks Makam Diraja

Kompleks makam DiRaja adalah salah satu peninggalan budaya fizikal pada zaman itu telah mencapai kemenangan Islam. Makam raja mempunyai banyak unsur penting boleh membawa kita ke ruang penghargaan yang positif tentang kewujudannya, sistem norma dan adat istiadat peninggalan ajaran nenek moyang (Meisar Asyari,

2013). Dari segi bentuk fizikal, makam terdiri dari batu nisan dan mempunyai bentuk bergunung sebagai sebahagian dari struktur utama kubur. Batu nisan dan bentuk bergunung menjadi satu kesatuan yang lengkap yang saling disatukan menjadi tanda kubur, bersama dengan gunung kubur yang menjadi unsur penyatuan pengebumian. Makam sebagai tanda bahawa tempat itu ada seseorang yang dikebumikan. Menanda sesuatu pada kubur Islam adalah satu sunnah, sebagai hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim, "letakkan tanda di kubur dengan batu atau tanda lain di kepala". Memberi tanda kepala dalam bentuk menhir pada masa lalu atau zaman Prasejarah dan batu nisan semasa era Islam, secara teratur prinsipnya mempunyai persamaan, iaitu tanda wujudnya pengebumian (Noryan Bahari, 2008).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya terdapat beberapa kepentingan yang utama dalam kajian ini iaitu tertumpu kepada kepentingan terhadap masyarakat dan institusi serta pelancongan.

1.6.1 Sejarah Negeri Kelantan kepada masyarakat

Objektif utama dalam kajian ini berfokus kepada latar belakang Makam Diraja Langgar. Nama Makam Diraja Langgar, Kota Bharu ini menjadi terkenal ekoran terbinanya Masjid Langgar bersebelahan dengannya dan kini ditukar kepada Masjid D'Raja Long Yunus, Langgar pada tahun 2014. Langgar ini mula dikenali kerana di sinilah wujudnya pembentukan Kerajaan Kelantan Moden oleh Long Yunus (MAIK, 2021). Makam Diraja Langgar ini menjadi tempat pilihan yang harus dikunjungi. Hal ini kerana masyarakat luar masih ada yang tidak mengetahui sejarah di sebalik Makam Diraja Langgar ini dan tidak pernah berpeluang untuk melihat secara lebih dekat di makam ini (Berita Harian, 2019). Pentingnya Makam Diraja Langgar ini kerana ianya boleh menjadi sumber rujukan sejarah mengenai sejarah Negeri Kelantan kerana disini menempatkan makam tokoh-tokoh yang berjuang

demokratisme Negeri Kelantan. Melalui kajian ini juga masyarakat luar mahupun Kelantan sendiri dapat mengenali tokoh-tokoh yang disemadikan di Kompleks Makam DiRaja Langgar, Kota Bharu.

1.6.2 Makam menjadi pusat pelancongan sejarah dan agama

Kawasan pemakaman di Indonesia terdapat banyak makam yang dijadikan sebagai tapak pelancongan agama (Eni Kartika, 2018). Hal ini kerana ziarah kubur dalam Islam adalah suatu amalan sunnah iaitu apabila dikerjakan mendapat pahala dan apabila ditinggalkan tidak berdosa. Dalam salah satu hadis Nabi, sangat jelas sekali ketika itu pernah Nabi saw melarang umat Islam berkunjung ke tanah perkuburan. Ternyata hal ini kerana keprihatinan baginda terhadap kebimbangan yang akan mereka lakukan di tanah perkuburan sebagai contoh berkutbah atau berdakwah, iaitu seperti kaedah yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani. Tetapi setelah umat Islam memahami dan menghayati makna tauhid dan larangan syirik atau kurafat, kebimbangan tersebut serta merta lenyap. Dan ketika itu Nabi saw membenarkan, bahkan menganjurkan ziarah kubur yang dipetik Shihab (2012), Rasulullah saw. bersabda yang artinya:

“Dahulu aku melarang kamu mengunjungi kubur (masih) dan sekarang ziarahilah kubur kerana hal itu dapat mengingatkan kamu tentang akhirat. " (HR. Ibnu Majah).

Hadis tersebut menjelaskan bahawa nabi melarang ziarah ke kubur buat sementara waktu. Tetapi kemudian nabi mengizinkan orang-orang mengunjungi kubur itu lagi. Sesungguhnya, menyaksikan kubur akan melembutkan hati dan menyedarkan orang tentang kematian itu pasti serta mengingatkan akan hari akhirat. Pada hakikatnya, tidak ada kurang bezanya pendapat di kalangan para ulama mengenai hukum mengunjungi kubur. Larangan yang dinyatakan oleh beberapa

ulama, terutama di pemakaman keramat, hanya kerana kebimbangan yang disebutkan di atas.

Oleh itu, Makam DiRaja Langgar ini merupakan tempat yang mempunyai makam Long Yunus sehingga makam Sultan Muhammad IV yang dimakamkan di tanah perkuburan Islam Langgar. Makam DiRaja Langgar ini juga yang menghimpunkan makam pejuang-pejuang bahkan ulama yang memperjuangkan Islam di Kelantan pada abad ke-16. Hal ini sesuai jika Makam DiRaja Langgar menjadi salah satu destinasi pelancongan agama yang sentiasa dikunjungi para pelancong.

Seelok-eloknya ziarah kubur dilakukan pada hari Jumaat, Sabtu, Isnin dan Khamis dan cara melakukan ziarah dan berdoa di kubur ialah dengan berdiri. Begitulah yang dilakukan oleh Rasulullah semasa baginda melawat perkuburan al Baqi" (Hashim, 2007). Menurut pengawal yang menjaga Makam DiRaja Langgar (Sinar Harian,2018) mengatakan pelawat yang berkunjung ke makam-makam ini seawal subuh lagi dan berpakaian yang sopan. Tinjauan Sinar Harian mendapati kebanyakan pelawat yang berkunjung ini berdoa di luar kawasan makam seterusnya tidak melepaskan peluang masuk ke perkarangan makam untuk melihat dengan lebih dekat.

1.6.3 Perlindungan dan pengurusan warisan kepada institusi

Objektif ketiga dalam kajian ini menekankan peranan pihak berkepentingan ke atas perlindungan dan pengurusan warisan Makam Diraja Langgar. Pentingnya sebuah makam ini harus diberi perlindungan kerana boleh menjadi bukti fizikal kepada kebenaran atau kesahihan sesuatu sejarah atau sesuatu peristiwa penting dan juga menjadi bukti perkembangan dan kebijaksanaan orang-orang dahulu yang mewakili

ketamadunannya (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Pihak pemunya yang mengambil tindakan dalam menguruskan tapak warisan haruslah memastikan tapak warisan sentiasa di dalam keadaan baik tertakluk seksyen 42 mengenai kewajipan mengekalkan tapak warisan agar sentiasa terjaga dan terawat. Kajian ini memberi pendedahan kepada mana-mana institusi penjagaan warisan sekiranya sesuatu objek atau tapak warisan diceroboh atau dialihkan tanpa kebenaran, maka itu merupakan kesalahan disisi undang-undang. Tertakluk Seksyen 112, kesalahan berkenaan dengan tapak warisan ada dinyatakan sekiranya melakukan perbuatan seperti penggalian, mengorek, membangun, meroboh, memusnahkan, mengalih serta melakukan sebarang aktiviti yang boleh merosakkan tanah yang sudah didaftarkan tapak warisan tanpa kelulusan bertulis dari Pesuruhjaya, tanpa hak yang sah apabila melanggar subseksyen (1) dengan melakukan kesalahan yang menyebabkan disabit penjara dalam tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya (Garis Panduan Pemuliharaan Warisan, 2012).

1.7 ORGANISASI PENULISAN

Secara purata, setiap bab di dalam kajian ini mempunyai 5 bab. Bab 1 menerangkan mengenai pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, dan organisasi penulisan. Pengenalan ini secara umumnya menerangkan mengenai maksud makam, makam-makam di Malaysia dan sedikit sejarah mengenai Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan. Manakala permasalahan kajian pula menerangkan isu pengurusan makam yang pernah dilalui oleh Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan. Skop kajian, definisi operasional dan kepentingan kajian juga diterangkan di dalam bab ini.

Seterusnya, Bab 2 ini membincangkan mengenai kajian literature atau sorotan kajian lepas serta kerangka teori dalam kajian ini. Kajian literature merupakan kajian-

kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji sebagai maklumat tambahan. Kerangka teori di dalam bab ini juga diterangkan secara ringkas.

Disamping itu, bahagian Bab 3 dalam kajian ini membahaskan mengenai metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian. Perbincangan bab ini meliputi data primer, data sekunder pengumpulan data, persampelan, dan kaedah analisis yang akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

Dalam bab 4, membincangkan mengenai hasil dapatan kajian. Perkara yang dianalisis menggunakan kaedah deskriptif untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai.

Bahagian bab yang terakhir ialah Bab 5 yang membincangkan serta menghuraikan perbincangan dan cadangan kajian dalam rumusan. Rumusan ini dilakukan meliputi keseluruhan isi kajian ini.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan mengenai teori, kerangka teori dan kajian lepas. Teori yang dibincangkan ialah Teori Pengurusan. Kerangka teori pula membincangkan Teori Pengurusan Taylor (1993) yang dijadikan panduan dalam menganalisis data kajian ini. Selain itu, bab ini turut membincangkan beberapa kajian yang telah dilakukan penyelidik lepas berkaitan kajian yang membincangkan tiga bahagian utama dalam kajian ini iaitu perlindungan, pengurusan warisan dan kompleks Makam DiRaja. Kajian lepas perlu dibuat bagi mengelakkan berlakunya pengulangan hasil penyelidikan orang lain (Zulkarnain, 2001).

2.2 TEORI PENGURUSAN ORGANISASI HENRY FAYOL (1916)

Menurut Hatch (1997), teori ini bersifat deskriptif, iaitu percubaan untuk menjelaskan suatu pengalaman. Perincian tambahan yang dijelaskan oleh teori disebut sebagai 'fenomena yang berkepentingan'. (phenomenon of interest). Merujuk kepada (Lane, 1997) menjelaskan teori bermaksud pernyataan-pernyataan yang menyusun, mentakrifkan dan menjelaskan dunia sebenar. Ia juga didefinisikan sebagai pengetahuan persekitaran yang merupakan pemikiran teori atau spekulatif.

Tokoh pemikir Henry Fayol yang dianggap bapa Teori Pengurusan Moden dan antara karya terkenal beliau ialah “Administration Industrielle et Generale (1916)”. Beliau memberi penekanan terhadap fungsi organisasi. Menurutnya, fungsi organisasi mesti kukuh dan mampu menggerakkan organisasi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

Teori ini sangat berkaitan dengan pemahaman yang tepat mengenai tugas pengurusan. Ini memberikan arah atau prinsip bagaimana mengaktifkan pengurusan dengan berkesan. Garis panduan yang dihitung oleh teori mengenai prinsip pengurusan, objektif dan fungsi pengurusan juga dikritik (Robbins, 1990).

Henry Fayol (1916) menekankan prinsip pengurusan yang berkesan dari pengalamannya yang lalu sebagai ahli perniagaan. Beliau memisahkan aktiviti teknikal dan pentadbiran pengurusan untuk membezakannya sebagai dua aktiviti yang terpisah (Daft,2015).

Henry Fayol (1916) memperkenalkan beberapa prinsip pengurusan yang ditemui dalam sesebuah organisasi seperti berikut:

- i. Pembahagian kerja
- ii. Autoriti dan kewibawaan
- iii. Disiplin
- iv. Penyelarasan Arahan
- v. Seorang ketua bagi organisasi
- vi. Mementingkan kehendak masyarakat daripada kehendak individu
- vii. Ganjaran berbentuk gaji
- viii. Pemusatan kerja/kuasa
- ix. Hierarki
- x. Kebolehan suai dengan tugas
- xi. Persamaan
- xii. Kestabilan kerja
- xiii. Inisiatif atau daya usaha
- xiv. Esprit De Corp (semangat kerjasama)

Prinsip-prinsip ini juga tidak dapat memberikan kesan yang diinginkan dalam pendekatan organisasi. Beliau mengemukakan 4 prinsip pengurusan yang diambil dan ditekankan daripada 14 prinsip yang telah dinyatakan. Dalam teori organisasi, prinsip-prinsip ini dapat memberikan kesan yang berkekalan, mereka adalah:

- i. **Pembahagian kerja** - Struktur organisasi harus membahagikan dan mengelompokkan aktiviti supaya orang dapat mengkhususkan. Orang-orang pakar mesti menyumbang yang terbaik kepada organisasi.
- ii. **Kewibawaan** - Seorang pengurus mesti mempunyai kewibawaan formal dalam struktur organisasi untuk menyelesaikan tugas daripada pekerja bawahan untuk tujuan organisasi.
- iii. **Hierarki** - Organisasi mesti mempunyai barisan kewibawaan yang tepat yang menghubungkan pengurusan atasan dengan pekerja di tingkat kedai.
- iv. **Inisiatif** - Ini dianggap sebagai pemikiran dan pelaksanaan rancangan. Prinsip ini mesti dilaksanakan oleh pekerja bawahan yang cerdas.

Banyak prinsip Henry Fayol (1916) masih dipatuhi oleh pengurusan mengikut kesesuaiannya dengan situasi tertentu. Namun, pengkritik tidak dapat memberikan pengganti yang lebih baik untuk prinsip-prinsip ini. Oleh itu, ini masih diikuti, karena mereka memiliki kemampuan untuk menyelesaikan banyak masalah pengurusan. Idea-Idea Henry Fayol (1916) berbeza dengan tokoh-tokoh lain turut mengembangkan prinsip pengurusan dimana prinsip-prinsip pengurusan am Henry Fayol (1916) sesuai kepada semua pengurus di setiap peringkat (Robbins, 1983)

Pengkaji memilih Teori Pengurusan Organisasi oleh Henry Fayol (1916) yang kemudiannya dikembangkan dengan prinsip pengurusan G.R Terry (1977). Menurut Fayol (1916), asas pengurusan terdiri daripada 5 fungsi atau proses tertentu, iaitu, merancang, mengatur, mengarahkan, mengkoordinasikan dan mengendalikan, tetapi

secara ringkasnya, fungsi pengurusan meliputi perencanaan, pengorganisasian, pergerakan dan pengawasan saja (Semuel Batlajery, 2016). Dalam kajian ini menggunakan kerangka pengurusan teori Henry Fayol (1916) untuk menganalisis peranan pihak bertanggungjawab terhadap perlindungan dan pengurusan warisan berdasarkan fungsi-fungsi pengurusan.

2.3 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ini bertujuan untuk mengelakkan kajian penyelidikan mempunyai persamaan yang ketara dengan kajian lepas. Semasa menulis sorotan kajian lepas, penyelidik perlu membincangkan mengenai kekuatan dan kelemahan kajian secara kritikal (Chua Yan Piaw, 2011). Kajian ini meneliti kajian lepas oleh penyelidik terdahulu.

2.3.1 Perlindungan

Perlindungan warisan bermaksud melindungi, mengenal pasti, memelihara, memulihkan, menyelenggara, mendokumentasikan dan memulihkan artifak, kawasan bersejarah atau tradisional dan sekitarnya. (Akta Warisan Kebangsaan, 2005).

Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab untuk mentadbir, mengawal dan memantau undang-undang Akta 172. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh bekerjasama dengan Majlis yang dilantik oleh kerajaan pusat sesuai dengan peruntukan Seksyen 58 (1) membenarkan kerjasama atau berkongsi tanggungjawab dengan pihak berkuasa untuk menetapkan peraturan untuk kesejahteraan dan kestabilan. Melalui peruntukan ini, PBT memberikan perkhidmatan dalam ruang lingkup wilayah pentadbirannya sesuai dengan peraturan yang disediakan. Peruntukan ini memastikan perlindungan dan pemeliharaan harta benda yang dimiliki secara individu atau bersama dalam wilayah pentadbirannya. Selain itu, Seksyen 58 (1) (f) membolehkan PBT memberikan

perlindungan kepada individu, tanah, dan bangunan yang bersejarah atau seni bina. Pihak berkuasa tempatan berhak untuk melakukan kerja penyelenggaraan dalam hal memperbaiki kerosakan, mengecat kembali, dan melindungi dari gangguan pembangunan. Oleh itu, Undang-undang 172 dapat mencegah pemaju membuat perubahan dan pencerobohan di kawasan yang telah disekat oleh pihak berkuasa tempatan. Larangan ini dapat memelihara tapak monumen kuno, bangunan bersejarah, dan tapak tanah bersejarah dari kerosakan atau kemusnahan kerana memerlukan izin terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Tempatan. (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot, 2013).

Garis panduan pemuliharaan warisan (2012) ada pernyataan mengenai perlindungan. Perlindungan warisan yang melibatkan struktur dan komponen bangunan bersejarah yang perlu dilindungi semasa kerja-kerja pemulihan supaya kerosakan tambahan tidak berlaku. Sebilangan komponen bangunan bersejarah tidak dapat dikeluarkan dan mesti disimpan di lokasi asalnya. Oleh itu, ia mesti dilindungi untuk memelihara komponen atau elemen bangunan semasa kerja-kerja pemulihan dijalankan. Barang-barang yang dibaiki mesti dijaga, dirawat dan dipantau dengan baik semasa kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan. Bangunan yang mungkin mengalami kerosakan baru seperti kotoran di permukaan atau kesan pergerakan mekanikal seperti calar akibat geseran beban berat harus dilindungi. Bahan kayu yang perlu dirawat terlebih dahulu seperti rawatan kimia atau proses pengeringan di luar lokasi harus dijaga dan dilindungi. Penggunaan bahan kimia berbahaya mesti mematuhi prosedur keselamatan dan perkhidmatan pakar yang diperlukan. Berfungsi untuk melindungi, menyelenggara dan menstabilkan bahan binaan dan bentuk bangunan lama, individu atau tapak warisan sehingga mereka bebas dari risiko kerosakan atau usang. Penyelenggaraan mulur menggunakan bahan dan kaedah

rawatan yang terbukti dalam kes yang serupa dan mesti disertakan dengan tempoh atau jadual penyelenggaraan.

Kajian oleh H. Azhar (2019), “Perlindungan Benda Cagar Budaya di Kota Palembang dalam Perspektif Sosiologi Hukum” ada menetapkan undang-undang yang mengatur perlindungan warisan budaya atau pegangan sejarah dan kuno di Indonesia sejak era pra-kemerdekaan yang diatur oleh monumenten-ordonantie 1931 (Saint No. 238 tahun 1931). Setelah kemerdekaan Indonesia, perlindungan warisan sejarah dan kuno diatur oleh Undang-Undang No 5 tahun 1992. Kedua peraturan tersebut menggunakan istilah monumen dan warisan budaya untuk monumen bersejarah dan kuno dengan ciri yang serupa, iaitu, apakah objek atau benda itu merupakan warisan bergerak atau tidak. Penemuan objek buatan manusia atau objek semula jadi, termasuk tapak dan bahkan tumbuh-tumbuhan dan bangunan yang mempunyai kepentingan langsung di monumen ini, berusia lebih dari 50 tahun, dan mempunyai nilai sejarah dan budaya yang luar biasa. Dalam ketentuan umum Pasal 1 UU No. 5 tahun 1992 menyatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan:

Objek warisan budaya adalah:

- i. Objek buatan manusia, boleh bergerak atau tidak bergerak yang merupakan unit, kumpulan, bahagian atau sisa daripadanya, yang berumur sekurang-kurangnya 50 (lima puluh) tahun, atau mewakili tempoh khas dan mewakili jangka masa kekuatan sekurang-kurangnya 50 (lima puluh) tahun, dan dianggap bernilai sejarah Penting ilmiah dan budaya.
- ii. Objek semula jadi mempunyai nilai penting bagi sejarah, sains, dan budaya.

- iii. Tapak adalah suatu kawasan yang mengandung atau dianggap mengandung unsur warisan budaya, termasuk lingkungan yang diperlukan untuk keselamatannya.

Dalam Jurnal Maritim (2021) mengenai Konvesyen Unesco 2001 (Perlindungan Warisan Budaya Bawah Laut) ada menjelaskan berkaitan perjanjian antarabangsa yang secara khusus ditujukan kepada perlindungan warisan budaya air demi menjamin pelestariannya dan mengadakan kerjasama antara Negara. Tanggungjawab negara dalam melindungi warisan adalah dengan mengenal pasti, memerhati dan melindungi warisan budaya bawah air mereka dengan lebih baik, memastikan pelestarian dan kesinambungan untuk generasi sekarang dan masa akan datang. Indonesia adalah negara kepulauan yang sangat penting dan sangat menyokong United Nations Convention on the Laws of the Sea (UNCLOS, 1982). Walaupun belum disahkan Konvesyen UNESCO 2001, Indonesia sudah memiliki peraturan dalam negeri yang berkenaan dengan Berharga Asal Muatan Kapal Tenggelam (BMKT) iaitu semua bukti peninggalan manusia yang memiliki nilai budaya, sejarah, mahupun arkeologi yang terletak secara sebahagian atau sepenuhnya di dalam air dan berusia lebih ratusan tahun.

Berdasarkan artikel oleh Kamila Hetami (2017) mengenai perlindungan warisan budaya tidak nyata (ketara) menurut UNESCO menyatakan bahawa Konvensyen untuk Perlindungan Warisan Budaya Tidak Nyata memberikan perlindungan sebagai usaha memelihara warisan dengan menggunakan istilah "pemeliharaan" dan bukan "perlindungan". Dengan itu dapat difahamkan bahawa Konvesyen Perlindungan terhadap Warisan Budaya Tak Nyata ini lebih bersifat "menjaga" objek yang ada di persekitaran agar tetap dilindungi untuk kegunaan generasi muda yang sekarang bahkan akan datang sebagai objek milik bersama (public domain). Perlindungan

warisan budaya tidak ketara di bawah Konvensyen untuk Perlindungan Warisan Tidak berwujud berbeza dengan perlindungan di bawah instrumen Intellectual Property Rights (IPR), warisan budaya tidak ketara ini adalah harta intelek yang memerlukan perlindungan khas (swasta). Perlindungan berdasarkan hak kekayaan intelektual terhadap warisan budaya tidak ketara dapat dilihat melalui sistem yang ada, seperti hak cipta dan hak yang berkaitan, petunjuk geografi dan pensijilan. Perbezaan paling nyata dan jelas dapat dilihat bahawa perlindungan IPR memberikan:

1. Defensive Protection, yang bermaksud mencegah orang atau orang asing, dan masyarakat memperoleh hak harta intelek terhadap warisan budaya yang tidak ketara. Sebagai contoh, di India, mereka sudah mempunyai pangkalan data yang boleh dicari mengenai ubat tradisional mereka yang dapat dijadikan panduan awal oleh pemeriksa pesakit ketika mengakses aplikasi pesakit. Strategi pertahanan ini juga digunakan untuk melindungi manifestasi budaya.
2. Positive protection, bertujuan untuk memberikan hak yang memungkinkan orang mempamerkan warisan budaya mereka yang tidak ketara, untuk mengawal aliran keuntungan dari kegiatan komersial yang dieksploitasi.

Berdasarkan laman web Mstar (2018) “Memastikan Kesenambungan Warisan” menurut Pesuruhjaya Warisan Professor Emeritus, Datuk Zuraina Majid (2010) ada menyusun projek berimpak tinggi untuk Jabatan Warisan Negara antara salah satunya adalah mengadakan Pencalonan Warisan Dunia bagi Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Nyata 2003 termasuk Dondang Sayang, Sewang, Bangsawan dan Jo’oh. Menurut Warisan Dunia Admin (2018) dari laman web Jabatan Warisan Negara menyatakan Pencalonan Dondang Sayang berjaya diakui oleh UNESCO sebagai Representative List of the Incredible Cultural Heritage of Humanity semasa mesyuarat kali ke-13 dengan Jawatankuasa Antara Kerajaan untuk Perlindungan

Warisan Budaya Tidak Ketara (IGC-ICH) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Swami Vivekananda, Pelabuhan Louis, Republik Mauritius dalam tempoh dari 24 November hingga 1 Disember 2018. Pengiktirafan ini sangat diimpikan oleh Negara Anggota kerana ia menawarkan kelebihan dari segi perlindungan dan promosi dan peluang untuk menonjolkan identiti masing-masing.

Menurut Rozan Yunos (2021) ada menjelaskan mengenai Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Alam Semula Jadi Dunia 1972 (Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972) telah digubal di Paris pada 16 November 1972 dan berkuatkuasa pada 17 December 1975. Pada tahun 1972, Konvensyen Dunia untuk Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi digubal untuk melindungi kawasan warisan budaya dan memelihara alam semula jadi. Kriteria spesifik merangkumi lokasi tertentu seperti hutan, gunung, tasik, gurun, monumen, bangunan, kompleks, atau kota yang mempunyai nilai universal. Senarai Tapak Warisan Dunia ditentukan oleh 21 kumpulan nasional yang dipilih oleh Majlis Umum Kumpulan Negara. Menurut laman web UNESCO, Konvensyen Sejangat 1972 untuk Perlindungan Warisan Budaya dan Alam mempunyai beberapa ciri penting. Ciri yang paling penting dalam Konvensyen Warisan Dunia 1972 adalah bertujuan untuk menghubungkan ke dalam satu dokumen konsep pemuliharaan alam dan pemeliharaan harta budaya. Konvensyen menyedari bagaimana masyarakat dan masyarakat berinteraksi dengan alam semula jadi, dan keperluan asas untuk mengekalkan keseimbangan antara mereka.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan yang diteliti mengenai makna perlindungan ini ternyata membawa pengertian yang sama dengan makna atau istilah pemuliharaan, penyenggaraan dan penjagaan objek warisan budaya. Hal ini dapat dijelaskan lebih mendalam tentang pentingnya perlindungan terutama keatas objek warisan ketara

mahupun tidak ketara. Dalam perundangan Malaysia mahupun Indonesia juga tidak jauh beza perihal perlindungan dan pemuliharaan objek warisan budaya melainkan akta yang ditubuhkan sahaja dalam tempoh yang berbeza.

2.3.2 Pengurusan

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (appropriateness), kebenaran (truthfulness), bermakna (meaningfulness) dan kebolegunaan (usefulness) instrument yang membolehkan data-data disimpulkan (Fraenkel Jack. R dan Norman. E. Wallen, 1996). Kesahan juga bermaksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengira sifat yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan (Campbell D. & Fiske D.,1959).

Kesahan dalam penyelidikan kualitatif bermaksud "kesesuaian" alat, proses, dan data. Sama ada persoalan kajian berlaku untuk hasil yang diinginkan, pilihan metodologi sesuai untuk menjawab persoalan kajian, reka bentuknya yang sah untuk metodologi, persampelan dan analisis data sesuai, dan akhirnya hasil dan kesimpulan berlaku untuk sampel dan konteks (Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E., 1996).

Walaupun kebolehpercayaan ini adalah konsep yang merujuk kepada ketekunan dan kestabilan ukuran atau instrumen pengukuran atau kajian atau soal selidik dari semasa ke semasa bergantung idea. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran memberikan jawapan yang tepat apabila digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel responden (Sabitha Marican, 2005).

Kebolehpercayaan data kualitatif dengan pemerhatian penyelidik mengenai Kepentingan Perlindungan dan Pengurusan Warisan Makam DiRaja Langgar yang mempunyai faktor dalaman atau luaran. Faktor dalaman merujuk kepada data yang diperoleh dan disusun dalam bentuk yang bermakna iaitu transkripsi. Manakala faktor luaran adalah dengan mengesahkan dengan mengkaji pemerhatian yang diperoleh dari pelbagai sumber data lain (Sabitha Marican, 2005).

Triangulasi Data

Triangulasi data adalah salah satu data kualitatif yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan melakukan triangulasi data (Wiesma, 1991; John Maanen, 1983). Triangulasi data dalam kajian ini dengan beberapa kaedah yang dipilih sehingga data yang telah dikumpulkan mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu triangulasi antara data temu bual bersama pegawai dengan data temu bual informan yang lain yang terdiri daripada anggota institusi MAIK itu sendiri dan juga melibatkan penjaga Makam DiRaja Langgar. Kebolehpercayaan dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali dalam satu barisan daripada seorang informan dan penyelidik boleh menggunakan teknik ini semasa proses pengekodan data melalui transkrip temu bual.

Salah satu cara pengkaji mencapai kepercayaan yang tinggi terhadap temu bual yang dijalankan adalah triangulasi antara data temubual informan utama, Pegawai MAIK dengan temu bual informan sokongan. Hal ini demikian kerana kajian yang pengkaji lakukan melibatkan pelbagai informan. Pengkaji ingin mengkaji mengenai pengurusan oleh pihak berkepentingan terhadap kompleks Makam Diraja, pengkaji melibatkan anggota yang merupakan kakitangan kerajaan Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan. Selain Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK), pengkaji juga melibatkan penjaga Makam DiRaja Langgar. Pengkaji menjelaskan kepada informan utama iaitu Pegawai Penolong Kanan Tadbir MAIK bahawa temu bual yang dijalankan dalam pengumpulan data bagi kajian mengenai pengurusan warisan keatas Makam DiRaja Langgar adalah meliputi temubual bersama dengan pegawai-pegawai yang lain juga merupakan kakitangan MAIK.

Selain menyusun data wawancara, untuk meningkatkan lagi kebolehpercayaan data dan topik yang dihasilkan, penyelidik menggunakan data temu bual dengan data

pemerhatian dan analisis dokumen. Data pemerhatian dan analisis dokumen ini digunakan sebagai data sokongan dan tidak boleh berdiri sendiri kecuali berdasarkan data temu bual. Catatan penyelidik memberi tumpuan kepada keadaan semasa makam dan pengurusan yang dilakukan di Makam DiRaja Langgar. Oleh kerana data pemantauan tidak banyak, laporan pemantauan mengenai pengurusan dan keadaan semasa makam saat ini digabungkan sekaligus menjadi laporan pengamatan lapangan. Manakala analisis dokumen meliputi laporan mengenai semua data yang dikumpulkan oleh penyelidik, yang menunjukkan organisasi dan pergerakan dalam operasi makam ini.

iv. Nota Lapangan atau Diari

Sebagai satu cara bagi memudahkan pengkaji membuat nota lapangan, pengkaji membuat inisiatif menyediakan satu buku kecil untuk catatan lengkap setiap perjalanan pengkaji semasa di lapangan iaitu di Makam DiRaja Langgar.

v. Pengesahan Informan terhadap Data Temubual

Salah satu cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kualitatif utama yang dikutip oleh pengkaji ialah melalui pengesahan dengan rakaman audio dan video. Rakaman audio dan video ini hanya dirakam apabila mendapat kebenaran daripada informan. Tujuan rakaman audio dan video adalah bagi menyokong rakaman suara supaya pengkaji mengambil berat terhadap setiap jawapan informan. Salinan transkrip itu setelah dilakukan proses tapisan maka salinan yang berisi teks tersebut diserahkan kepada informan yang terlibat untuk mereka membaca sepintas lalu segala isi perbualan dan keterangan yang diberikan. Seterusnya pengkaji akan meminta informan untuk membuat semakan sama ada maklumat yang diberikan itu benar dan tersusun. Melalui semakan oleh informan, pengakuan dan pengesahan

informan terhadap data utama (temubual) ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

3.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi pengumpulan data, kaedah analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan data yang dianalisis bagi mendapatkan maklumat tepat. Metodologi kajian merupakan suatu kaedah kajian yang menunjukkan data yang dikumpul itu sahih dan terperinci berdasarkan aspek kajian. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan sedikit sebanyak membantu dalam kajian berkaitan kepentingan perlindungan dan pengurusan warisan makam. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kesemua data dan maklumat yang diperoleh dianalisis bagi menjawab persoalan kajian dan hasil kajian diakhir kajian ini. Sumber yang diperoleh secara menganalisis data menggunakan kaedah analisis tematik.

BAB IV

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Pada bahagian bab ini, semua hasil dapatan kajian berdasarkan objektif serta persoalan kajian yang dibentangkan. Pengkaji memperoleh data dapatan kajian melalui kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini digunakan digunakan untuk mendapatkan data-data berkenaan sejarah dan pengurusan Makam DiRaja Langgar. Temu bual telah dijalankan ke atas lima orang yang berkepentingan dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar. Data temu bual dan pemerhatian yang diperolehi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai analisis latar belakang makam, bahagian B menjelaskan analisis keadaan semasa makam, dan bahagian C pula mengenai analisis peranan pihak bertanggungjawab terhadap Makam DiRaja Langgar dalam perlindungan dan pengurusan warisan berdasarkan beberapa aspek.

Pengkaji menjawab persoalan yang ditujukan itu dengan menggunakan teknik pengumpulan data berbentuk temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan pengumpulan data tersebut, pengkaji memperolehi maklumat mengenai sejarah pembinaan dan asal usul Makam DiRaja Langgar, keadaan semasa makam-makam lama, dan juga mengenai sejauhmana pengurusan Makam DiRaja Langgar sehingga kini.

4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL

Sebagaimana yang dijelaskan dalam ulasan bab tiga, hasil dapatan kajian dalam bab ini diperolehi dengan menemu bual lima orang responden. Lima responden ini dipilih terdiri daripada 1 orang pihak pengurusan dari Majlis Adat Istiadat dan Agama Islam

Kelantan (MAIK) serta 4 orang kakitangan yang terlibat dalam penjagaan Makam DiRaja Langgar termasuk imam muda. Kesemua responden yang dipilih mempunyai pengetahuan tentang sejarah dan pengurusan Makam DiRaja Langgar dan hal ini memudahkan pengkaji untuk kumpulkan data-data yang diperlukan itu adalah jelas dan tepat. Responden dilabelkan dengan kod untuk memudahkan pengkaji menganalisis data. Kodnya adalah seperti berikut:

Jadual 4.1 : Kod responden dan huraian

Kod	Huraian
IMMDRL-R1	Imam Muda Makam DiRaja Langgar
AOMAIK-R2	Ketua Pembantu Tadbir Kanan MAIK
PAMDRL-R3	Pekerja Am Makam DiRaja Langgar 1
PAMDRL-R4	Pekerja Am Makam DiRaja Langgar 2
PAMDRL-R5	Pekerja Am Makam DiRaja Langgar 3

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Temubual yang dijalankan adalah secara bersemuka dan juga pemerhatian yang dilakukan sepanjang meninjau ke lapangan kajian. Sepanjang menjalankan sesi temubual, pengkaji merekod suara serta mencatat dalam nota peribadi ketika responden memberikan maklumat berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Responden yang ditemu bual kesemuanya adalah lelaki dan berbangsa Melayu bahkan mereka semua berumur dalam lingkungan 30-70 tahun.

Jadual 4.2 : Maklumat Responden

Maklumat Responden	IMMDRL-R1	AOMAIK-R2	PAMDRL-R3	PAMDRL-R4	PAMDRL-R5
Jantina L/P	L	L	L	L	L
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu

Umur	30 Tahun	55 Tahun	70 Tahun	45 Tahun	52 Tahun
30 tahun-70 tahun					

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Tema dapatan kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu berkenaan latar belakang Makam DiRaja Langgar, keadaan semasa Makam DiRaja Langgar dan peranan pihak berkepentingan dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar. Subtema untuk tema latar belakang terdapat 4 soalan dan keadaan semasa Makam DiRaja Langgar ini memiliki 6 soalan seterusnya untuk peranan pihak berkepentingan pula terbahagi kepada 4 bidang yang terdiri 2 soalan setiap bidang.

Jadual 4.3: Senarai tema dan subtema temu bual

No	Tema	Sub Tema
A	Latar Belakang Makam	<p>A1. Apakah sejarah pembinaan Makam DiRaja Langgar?</p> <p>A2. Sejak bila Makam DiRaja Langgar mula dibina?</p> <p>A3. Siapakah tokoh-tokoh terpenting pada zaman kegemilangan Islam negeri Kelantan yang turut dimakamkan di dalam kompleks Makam DiRaja Langgar?</p> <p>A4. Mengapakah kompleks makam ini diberi nama “Makam DiRaja Langgar”?</p>
B	Keadaan Semasa Makam	<p>B1. Bagaimanakah keadaan semasa makam-makam lama ketika ini di Makam DiRaja Langgar?</p> <p>B2. Apakah prosedur yang dilakukan untuk memindahkan makam-makam lama yang terjejas disebabkan faktor-faktor tertentu?</p>

		<p>B3. Apakah jenis kerosakan yang dikesan terhadap makam-makam lama yang terjejas?</p> <p>B4. Adakah keadaan fizikal makam-makam lama ini terdapat pengubahsuaian dari rupa bentuk asli?</p> <p>B5. Apakah projek pemuliharaan yang dilakukan demi melindungi warisan makam-makam lama oleh pihak berkepentingan.</p> <p>B6. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keadaan fizikal makam-makam lama dapat dikekalkan?</p>
C	<p>Analisis Peranan Pihak Bertanggungjawab</p>	<p>C1. Pengorganisasian</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Siapakah yang terlibat dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar? ii. Mengapakah pihak/pakar dilibatkan dalam pemuliharaan dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam? <p>C2. Perancangan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sejauhmanakah perancangan dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar sebagai tapak pelancongan warisan keagamaan sehingga kini? ii. Adakah perlindungan dan pengurusan warisan makam dalam memindahkan makam-makam lama termasuk memperbaiki struktur makam-makam yang mengalami kerosakan melibatkan implikasi kewangan? <p>C3. Pengarahan</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Bagaimanakah kepimpinan pihak pengurusan terhadap perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar dalam membimbing para pelancong atau pelawat yang menziarahi makam-makam lama?

		<p>ii. Apakah prosedur dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam yang ditetapkan kepada pelancong atau pelawat yang menziarahi?</p> <p>C4. Pengendalian</p> <p>i. Bagaimanakah pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar terhadap perlindungan makam-makam lama sepanjang pandemik covid-19?</p> <p>ii. Apakah alternatif yang dilakukan dalam memastikan maklumat pengurusan Makam DiRaja Langgar sentiasa dikemaskini?</p>
--	--	--

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

4.3 ANALISIS LATAR BELAKANG MAKAM

Analisis bagi tema ini dipecahkan kepada empat sub tema. Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan tentang sejarah latar belakang Makam DiRaja Langgar iaitu dari aspek sejarah pembinaan, tahun mula dibina, tokoh-tokoh penting pada zaman kegemilangan Islam dan mengapa diberi nama “Makam D’Raja Langgar”. Sumber yang diperoleh semasa temu bual adalah seperti berikut:

4.3.1. Sejarah Pembinaan Makam DiRaja Langgar

Responden yang menjelaskan sejarah pembinaan makam ini terdiri seramai lima orang. Berikut merupakan pendapat mereka mengenai sejarah Makam DiRaja Langgar:

“...Sejarah makam ini dulunya tempat ini bukan dinamakan Kampung Langgar tetapi Kampung Gong Dermi. Kampung Gong Dermi ini dulunya sebuah kampung pedalaman. Apabila kemangkatan Raja Long Yunus dan baginda dikebumikan di tanah makam ini maka Makam D’Raja Langgar ini mula dikenali seterusnya membuka sejarah bagaimana kisah Raja Long

Yunus semasa diserang Siam. Dengan bukti terdapat makam baginda di sini beserta makam Raja Pattani”.

(IMMDRL-R1)

“...Mengikut salahsilah raja-raja pertama yang berada dalam Makam D’Raja Langgar ini ialah bermula dari Raja Long Yunus, seterusnya Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah), Sultan Muhammad III dan Sultan Muhammad IV.”

(PAMDRL-R3)

“...Ya, setahu saya juga Masjid Kampung Langgar ini dibina selepas Makam DiRaja Langgar dirasmikan tanah perkuburan D’Raja dan pada waktu itu terdapat makam Raja Long Yunus beserta kerabatnya”.

(PAMDRL-R4)

“...Makam DiRaja Langgar ini wujud sebelum adanya Masjid DiRaja Langgar, yang mana usia makam ini dulu lebih lama berbanding Masjid ini”

(AOMAIK-R2)

“...Makam D’Raja Langgar ini mula ditubuhkan seiring penemuan makam Raja Long Yunus dan terdapat juga makam-makam yang tidak dapat dikenal pasti pada masa itu”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pendapat kelima-lima responden yang ditemubual pengkaji dapat simpulkan bahawa makam DiRaja Langgar mula dibina lingkungan tahun

kemangkatan Raja Long Yunus dan kawasan ini dahulunya sebelum diberi nama Kampung Langgar adalah Kampung Gong Dermi. Makam DiRaja Langgar ini membawa sejarah titik permulaan Kelantan mencapai kegemilangan berkat pimpinan Raja Long Yunus.

4.3.2 Tahun Pembinaan Makam DiRaja Langgar

Bagi sejarah tahun pembinaan Makam DiRaja Langgar, didapati hanya seorang responden sahaja yang mempunyai maklumat yang jelas mengenai tahun pembinaan makam ini. Berikut adalah pernyataan responden:

“...Makam ini mula dibina awal lagi sebelum kemangkatan pengasas pertama Kelantan iaitu Raja Long Yunus pada 1794 dan pada tahun 1798 tanah makam D’Raja dikenali sebagai tanah kubur bagi raja-raja, kerabat dan pembesar ”. Munculnya makam ini kerana Raja Long Yunus dimakamkan di sini bersama dengan kerabat-kerabat baginda. Usia makam-makam lama yang berada di sini juga dijangka mencecah sekitar 200-300 tahun”.

(IMMDRL-R1)

“... Ada kemungkinan sekitar abad ke-18 makam ini mula dibina.”

(AOMAIK-R2)

“...Saya kurang pasti bilakah mulanya makam ini dibina akan tetapi semasa saya berada dan bekerja di sini sudah ada beberapa makam-makam lama yang saya perkirakan salah satunya makam Raja Long Yunus dan juga makam Raja Pattani.”

(PAMDRL-R3)

“...Dengar cerita daripada penduduk sini, mereka berpendapat Raja Long Yunus tidak mangkat di kawasan ini tetapi warga penduduk yang memindahkan jenazah Raja Long Yunus pada waktu itu di Pengkalan Galoh untuk dikebumikan di Makam D’Raja Langgar. Pada waktu itulah kemungkinan makam mula dibina.”

(PAMDRL-R4)

“...Tahun pembinaan makam ini tidak dapat dikenal pasti tetapi dalam sekitar 1794 sehingga 1798 makam ini mula dibina oleh penduduk kampung.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pendapat responden Makam DiRaja Langgar ini dibina pada tahun yang tidak dapat dipastikan kesahihannya sama ada sebelum atau selepas mangkatnya Raja Long Yunus, makam itu telah wujud. Tahun yang jelas pembinaan tanah makam ini juga belum dapat dinyatakan pasti kesahihannya akan tetapi anggaran yang dinyatakan rasminya tanah makam ini dikenali bermulanya tahun 1798 atau dalam sekitar abad ke-16 makam itu mula wujud.

4.3.3 Tokoh-Tokoh Terpenting Pada Zaman Kegemilangan Islam Negeri

Kelantan

Untuk bahagian ini, pengkaji melakukan pemerhatian sambil temu bual bersama responden berkenaan tokoh-tokoh terpenting pada zaman kegemilangan Islam negeri Kelantan yang turut dimakamkan di dalam kompleks Makam DiRaja Langgar.

Gambar 4.1: Susunatur Makam



Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Gambar 4.2 : Makam Raja Long Yunus dan isteri



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar 4.3 : Makam Sultan Muhammad I (anak Long Yunus)



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar 4.4 : Makam Kerabat Raja Long Yunus



Sumber : Kajian Lapangan, 2021



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar 4.5 : Makam Raja Pattani dan isterinya



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar 4.6 : Makam Kerabat Raja Dewa



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Di atas merupakan makam-makam lama yang merupakan kerabat DiRaja. Terdapat banyak makam-makam yang tidak dapat dikenalpasti dan beberapa sahaja makam yang mempunyai nama dan tarikh dapat dikenal pasti. Beberapa hasil yang pengkaji dapat dari temu bual ini untuk menjawab soalan yang pengkaji kemukakan adalah seperti berikut :

“...Kebanyakan makam-makam di sini terutama yang kubur anak tidak dapat dikenal pasti bahkan sebelah Makam Raja Long Yunus tidak dapat dikenalpasti juga sama ada makam ibunya atau isterinya”. Bahagian

bangunan utama yang berada petak Makam D'Raja (I) dan (II) ini (rujuk gambar 4.1) merupakan makam-makam raja termasuk pembesar dan tokoh-tokoh penting yang menyumbang kepada zaman kegemilangan Islam negeri Kelantan". Makam-makam disini bukan sahaja terdiri kalangan diraja akan tetapi terdapat juga dikalangan pembesar dan ulama.

(IMMDRL-R1)

"...Senibina pada makam-makam lama ini jelas menunjukkan terdapat banyak pengaruh antara Jawa dan Pattani."

(AOMAIK-R2)

"...Antara tokoh-tokoh terpenting yang ada dimakamkan di sini iaitu Raja Long Yunus, Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II, Sultan Muhammad III, Sultan Muhammad IV, Raja Dewa, Raja Pattani."

(PAMDRL-R3)

"...Di sini juga terdapat makam Raja Pattani. Seingat saya lah ada satu makam Raja Pattani yang dikebumikan di sini sebenarnya asal dari tempat lain tetapi dipindahkan ke langgar. Usia makam dia pon dah hampir 200 tahun. Sebab makam itu dipindah supaya makam itu dilindungi dan ini juga permintaan daripada kerabat keluarga Raja Pattani itu sendiri".

(PAMDRL-R4)

"...Untuk sesiapa yang ingin kebumikan mayat di sini perlulah mendapat perkenan Sultan Kelantan terlebih dahulu dan ianya mestilah berdarah atau berketurunan raja". Manakala tanah kosong (rujuk gambar 4.1) ini merupakan tanah wakaf dan Sultan Kelantan telah perkenan sekiranya keluarga pewakaf ingin mengebumikan mayat keluarga mereka di sini".

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pendapat mereka pengkaji dapat mengesan bahawa tokoh-tokoh terpenting yang berjasa dalam kegemilangan Islam Negeri Kelantan ini ramai bukan sahaja terdiri daripada golongan raja bahkan pembesar atau para ulama dari negara luar seperti Pattani, Thailand yang turut dimakamkan di sini. Jumlah makam-makam lama dalam kompleks ini juga banyak dan boleh dilihat berdasarkan seni bina makam itu sendiri untuk melihat perbezaan makam-makam yang lama dan terkini.

4.3.4 Nama ‘Makam DiRaja Langgar’

Bagi soalan ini didapati bagaimana makam ini diberi nama “Makam DiRaja Langgar”. Berikut merupakan pandangan mereka:

“...Makam ini diberi nama “Langgar” kerana langgar itu sendiri merupakan bahasa klasik yang bermaksud tempat pengebumian raja-raja dan pembesar. Selain itu juga “Langgar” ini bermaksud tempat agama atau surau. Makam D’Raja pula bermaksud makam-makam yang berketurunan raja dan pembesar.”

(IMMDRL-R1)

“...Nama Makam D’Raja Langgar ini juga bersempena nama Kampung Langgar dan terdapatnya Masjid Kampung Langgar.”

(AOMAİK-R2)

“...Nama tempat ini ‘Langgar’ disebabkan sejarahnya ada banyak surau-surau, ulamak terdahulu yang menamakan tempat ini Kampung Langgar jadi secara tidak langsung tanah perkuburan pun diberi nama Makam D’Raja

Langgar yang mana makam ini dijadikan tempat yang khas untuk menempatkan jenazah raja-raja, keturunan raja dan para pembesar.”

(PAMDRL-R3)

“...Gelaran Makam D’Raja Langgar bermaksud makam yang dihaskan untuk kaum kerabat raja-raja.”

(PAMDRL-R4)

“...Makam D’Raja Langgar itu muncul kerana makam golongan raja-raja yang dikebumikan di situ dan tempat ini merupakan tanah perkuburan raja-raja atau pembesar Islam.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pendapat responden di atas, nama ‘Makam DiRaja Langgar’ diinspirasi kerana kubur-kubur yang ditanam di kawasan sini merupakan makam raja-raja, kerabat, pembesar, dan ulama. Selain itu, dibuktikan jika nama makam ini mempunyai nama ‘Langgar’ oleh kerana suatu ketika dahulu terdapatnya surau-surau di sekitar kawasan ini sebagai contoh Masjid Kampung Langgar itu sendiri.

4.4 ANALISIS KEADAAN SEMASA MAKAM

Bahagian ini pengkaji akan menunjukkan hasil dapatan berkenaan jenis kerosakan, keadaan semasa makam, prosedur pemindahan makam, perubahan rekabentuk asal makam, projek pemuliharaan makam dan langkah-langkah mengekalkan fizikal makam. Berdasarkan subtema (B1) jenis kerosakan, (B2) prosedur pemindahan makam disebabkan faktor-faktor tertentu dan (B3) keadaan semasa makam, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian.

4.4.1 Jenis Kerosakan

Gambar 4.7 : Jenis Kerosakan (Pusu)



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar di atas menunjukkan jenis kerosakan yang dialami oleh beberapa makam yang dikenalpasti. Berikut merupakan penjelasan responden terhadap kerosakan pada makam-makam ini:

“...Makam yang mengalami kerosakan seperti sarang anai atau pusu ini tidak dapat dibaik pulih kerana apabila melakukan proses mengikis pusu ini tetap sahaja pusu ini akan semakin membesar kerana ianya hidup dan dibawah makam tu sepatutnya mempunyai air yang menyebabkan sarang pusu itu hidup dan semakin membesar.

(IMMDRL-R1)

“...Kebanyakan makam jenis berbahan batu ditumbuhi pusu dan punca makam-makam ini ditumbuhi pusu pun tidak dapat dikenalpasti.”

(AOMAIK-R2)

“...Begini mek (panggilan untuk orang perempuan), ada kisah dahulu kenapa Raja Long Yunus dipagar kerana adanya pihak yang datang ingin merosakkan atau membuat kekacauan pada makam yang dinaiki pusu. Para ulama dahulu memberitahu kalau pusu ini dikikis semakin lama semakin marak atau membukit. Jadi kesimpulannya biarkan sahaja pusu itu hidup begitu. Kerana tidak ingin lagi berlaku kekacauan orang luar terhadap makam ini kami terpaksa mengunci pagar untuk makam Raja Long Yunus dan isterinya kerana ditakuti mereka melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama Islam atau syirik”.

(PAMDRL-R3)

“...Pernah dilakukan untuk mengakis pusu ini akan tetapi pusu itu masih akan tumbuh bahkan malah membesar.”


(PAMDRL-R4)

“...Disebabkan pusu ini tumbuh, makam dalam keadaan yang tertutup permukaan juga bentuk.”

(PAMDRL-R5)

Menurut pemerhatian pengkaji jenis kerosakan yang dialami pada makam yang disebabkan oleh pusu atau ‘Busut’ itu mencatatkan rupa bentuk makam. Apabila diteliti kerosakan makam yang dialami disebabkan pusu ini kebanyakan berlaku pada makam-makam lama sahaja dan menurut responden pula pusu ini terjadi kerana di dalam makam terdapatnya takungan air sehingga menyebabkan pusu itu boleh hidup. Jenis kerosakan yang disebabkan pusu ini merupakan kerosakan yang dibawa dari serangga anai-anai membuat sarang berupa tanah yang melonggok seperti bukit.

Gambar 4.8 : Jenis kerosakan (batu nisan diketuk)



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Gambar di atas menunjukkan kecacatan pada rupa bentuk batu nisan yang dikenalpasti. Berikut merupakan keterangan responden :

“...Batu-batu kubur jenis bujur dan bulat ini kebanyakan mengalami kerosakan dan mempunyai kesan ketukan pada permukaan batu tersebut.”

(IMMDRL-R1)

“...Saya tidak pasti mengapa ada sikap manusia yang seperti ini suka merosakan batu kubur. Kemungkinan batu itu sangat berharga.”

(AOMAIK-R2)

“...Batu-batu kubur ini jadi begini sebab ada orang luar datang ‘sekeh’ (ketuk) pada batu untuk tujuan-tujuan tertentu mereka. Asal rupa batu yang sebenarnya besar dan berbentuk bulat atau bujur. Kemungkinan mereka melakukan sebegitu rupa kerana ada makna pada batu tersebut”.

(PAMDRL-R3)

“...Jenis batu kubur ini cantik secara aslinya kerana mempunyai kilauan pada batu itu seperti batu jed atau kristal.”

(PAMDRL-R4)

“...Kubur-kubur yang mengalami kerosakan seperti ini tidak dapat dielakkan lagi selain menguatkan kawalan keselamatan pada Makam D’Raja Langgar.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pemerhatian di atas, pengkaji mendapati kesan ketukan itu merupakan kerosakan buatan manusia atau vandalisme. Hal itu mengakibatkan rupa bentuk batu nisan mengalami kecacatan.

4.4.2 Prosedur Pemindahan Makam Disebabkan Faktor-Faktor Tertentu

Gambar 4.9 : Dalam Proses Baik Pulih



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

“...Makam ini dalam proses pemindahan kerana kedudukan makam ini dalam keadaan senget dan terkeluar dari petak asal yang disebabkan pergerakan tanah. Agak sukar juga proses pemindahan ini kerana makam ini berat dan mengambil masa yang lama juga untuk memindahkan makam ini kerana perlu teliti dalam memastikan kedudukan makam yang senget itu tidak berlaku lagi”.

(IMMDRL-R1)

“...Pemindahan makam ini hanya dilakukan sekiranya makam mengalami masalah seperti tenggelam, tidak stabil atau mengalami keretakan yang serius pada makam.

(AOMAIK-R2)

“...Prosedur berkaitan pemindahan makam ini perlulah mempunyai kebenaran dari pihak MAIK atau MPKB terlebih dahulu. Untuk makam yang tertimbus dalam tanah akan diangkat dan diambil tanah hitam sahaja untuk dipindahkan dan ditanam semula. Selain itu juga untuk memindahkan makam juga perlulah mempunyai kebenaran dari pihak keluarga atau kerabat makam tersebut untuk mengelak menyentuh isu sensitiviti umat Islam”.

(PAMDRL-R3)

“...Untuk memindahkan makam dari satu tempat ke satu tempat akan dikerjakan oleh kami sendiri para pekerja am.”

(PAMDRL-R4)

“...Sangat penting memastikan kedudukan susunan makam dalam teratur kerana itu sekiranya terdapat beberapa makam yang kedudukannya tidak seragam maka ia akan diangkat dan dipindahkan untuk diletakkan ke dalam kawasan yang telah diukurkan ketepatan petak setiap makam.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pemerhatian di atas, pemindahan makam ini dilakukan demi memastikan makam-makam itu dalam keadaan yang baik dan tidak menyukarkan pelawat atau penziarah yang datang berkunjung di sini. Mengenai prosedur ini pula perlu dilakukan sedemikian rupa kerana untuk mengali kubur semula kemudian dialihkan ini

memerlukan kebenaran dari pihak keluarga atau kerabat makam tersebut sekiranya melanggar pihak yang mengali kubur tanpa kebenaran boleh dikenakan saman.

4.4.3 Keadaan Semasa Makam

Gambar 4.10 : Makam-Makam Keturunan Said (Pattani)



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan pemerhatian di atas menunjukkan susunan kedudukan makam-makam. Berikut merupakan penjelasan responden mengenai keadaan semasa kedudukan makam:

“...Masih dalam pembaikan lagi kawasan ini supaya dapat meletakkan makam agar lebih tersusun.”

(IMMDRL-R1)

“...Makam-makam di sini dan juga ruang di petak E masih berselerak dan padat.”

(AOMAIK-R2)

“...Nampak kubur-kubur yang terletak ‘kucar’ (berselerak) itu sebenarnya yang asal-asal, sebelum yang sekarang lebih nampak tersusun, Sekarang pun masih dilakukan kerja-kerja pembaikan dan pengukuran tanah semula untuk letakkan makam mengikut susunan.”

(PAMDRL-R3)

“...Kebanyakan kubur-kubur kecil yang diletakkan berselerak.”

(PAMDRL-R4)

“...Makam-makam yang diletakkan berselerak ini kerana disebabkan oleh pengurusan terdahulu yang belum tahu membuat pengukuran tanah dan oleh itulah mereka terpaksa menentukan jenazah dimakamkan ke kawasan mengikut kesesuaian mereka.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan pemerhatian di atas, pengkaji mendapati terdapat banyak kubur-kubur kecil yang hanya menggunakan batu nisan atau batu hidup sebagai penanda kubur dan kedudukannya dalam kucar-kacir atau kucar-kacir kerana merupakan bekas pengurusan dibawah kuasa orang terdahulu.

4.4.4 Perubahan Rekabentuk Asal Makam

Seterusnya, berdasarkan subtema (B4) pengkaji menyoal responden berkenaan adakah rupa bentuk makam-makam lama ini mengalami perubahan rupa bentuk asli.

“...Mengikut pengetahuan saya makam-makam raja di sini belum mengalami perubahan bentuk asli makam kerana senibina makam masih lagi utuh dan kukuh kecuali makam-makam yang tertimbus dalam tanah dan batu nisannya hilang barulah diperbaharui makamnya. Kebanyakan makam yang tertimbus dalam tanah sukar dikenal pasti identitinya”.

(IMMDRL-R1)

“...Rupa bentuk asli makam setakat ini belum lagi dilakukan perubahan atau menggantikannya kepada makam yang baru.”

(AOMAIK-R2)

“...Rupa bentuk makam yang jenis berbahan marmar ini sangat kukuh jadi amat mustahil untuk dilakukan perubahan.”

(PAMDRL-R3)

“...Makam-makam ini masih mengekalkan rupa bentuk asal tanpa kerosakan yang teruk dialami dan makam-makam disini sentiasa dijaga dan diurus agar sentiasa bersih.”

(PAMDRL-R4)

“...Yang pasti makam disini tidak pernah mengalami perubahan rupa bentuk asal sekiranya diubah maka secara tidak langsung pengaruh senibina pada makam tersebut tidak dapat dikenali.”

(PAMDRL-R5)

Berdasarkan keterangan responden, pengkaji berpendapat bahawa rupa bentuk makam-makam yang terdapat di dalam kompleks ini masih dalam keadaan baik dan tidak pernah diubah bentuk asal makam walaupun terdapat makam yang mengalami kesan ketukan akan tetapi mereka tidak lagi mengubah atau menukar dengan makam atau batu nisan yang baru kerana boleh dilihat bahan pada makam tu kebanyakan jenis batu yang kukuh (marmar), simen atau kayu yang lebih kukuh dan tidak mudah mereput seperti jati atau cengal.

4.4.5 Projek Pemuliharaan Makam

Subtema (B5) ini menjelaskan apakah projek pemuliharaan yang dilakukan setakat ini. Berikut merupakan keterangan responden :

“...Projek pemuliharaan ini merupakan tugas dibawah bidang pembangunan (MAIK) dan setakat ini projek pemuliharaan yang dilakukan adalah memperluaskan kawasan kubur dan mengalihkan makam-makam yang tertimbus mengikut kawasan-kawasan ditetapkan. Projek pemuliharaan ini masih dalam proses dan kemungkinan dalam masa 3 tahun ke depan, susun atur makam juga akan lebih rapi dan kemas”.

(IMMDRL-R1)

“...Projek pemuliharaan belum ada lagi kerana yang dilakukan setakat ini adalah membuat pengukuran semula tanah untuk meletakkan mana-mana makam yang diletakkan bertaburan ini dialihkan”.

(AOMAIK-R2)

“...Pemuliharaan setakat ini yang dilakukan adalah dengan melindungi makam-makam yang lama dengan memagar dan diletak kawasan yang terlindung beratap”.

(PAMDRL-R3)

“...Setahu saya projek pemuliharaan belum pernah dilakukan kecuali projek yang pernah dilakukan itu hanya untuk memperbesarkan kawasan makam”.

(PAMDRL-R4)

“...Saya kurang pasti pemuliharaan makam-makam ini mempunyai kerjasama organisasi lain sebab setahu saya Makam DiRaja Langgar ini dibawah pentadbiran MAIK”.

(PAMDRL-R5)

Pengkaji mendapati projek pemuliharaan terhadap makam-makam belum dilakukan kerana pengurusan Makam D'Raja Langgar ini tidak melibatkan kerjasama dengan muzium bahkan Jabatan Warisan Negara untuk memulihara makam-makam lama yang ada di Makam D'Raja Langgar.

4.4.6 Langkah-Langkah Mengekalkan Keadaan Fizikal Makam

Subtema (B6) ini menjelaskan mengenai langkah-langkah yang dilakukan untuk memastikan keadaan fizikal makam itu terlindung. Berikut merupakan penjelasan responden:

“...Makam yang mengalami keretakan serius seperti pecah terbelah akan digantikan makam yang berbahan lebih kukuh dari sebelum ini.”

(IMMDRL-R1)

“...Sekiranya makam-makam lama yang mengalami kerosakan, kami akan mengambil tindakan segera contohnya makam yang mengalami kerosakan disebabkan mendapan, kami akan mengangkat semula dan kuburkan semula untuk memudahkan kerabat yang menziarah”.

(AOMAIK-R2)

“...Untuk melindungi makam-makam lama ini kami memagar makam itu supaya sentiasa terlindung daripada kekacauan pihak yang tidak bertanggungjawab”.

(PAMDRL-R3)

“...Makam-makam yang mengalami kerosakan akan diganti dengan sesuatu yang lebih kukuh dan sekiranya makam yang tenggelam itu sudah

kehilangan batu nisan maka tanah hitam akan diangkat dan dikuburkan semula serta diletakkan batu nisan yang baru akan tetapi kubur itu akan menjadi kubur yang tidak dikenali kerana tidak dapat dikenalpasti.”

(PAMDRL-R4)

“...Untuk melindungi keadaan fizikal makam lebih terjaminnya jika dibina berupa rumah yang beratap untuk mengelakkan makam-makam terdedah dengan air hujan atau pancaran cahaya matahari.”

(PAMDRL-R5)

Pengkaji mendapati bahawa langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak MAIK ini belum sampai tahap yang maksimum kerana terdapat banyak makam yang tidak terlindung berbanding makam yang berada dalam kawasan bertutup atau berpagar. Apabila makam diletakkan di kawasan terbuka maka potensi untuk makam itu mengalami hakisan atau mendapan itu tinggi berbanding makam yang terlindung dipagar atau rumah.

4.5 ANALISIS PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Bahagian ini pengkaji menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar berdasarkan beberapa aspek iaitu perancangan, pergorganisasian, pengarahan, dan pengendalian. Seorang responden sahaja yang terdiri pegawai MAIK dikenalpasti berperanan terhadap pengurusan Makam DiRaja Langgar.

4.5.1 Perancangan

Untuk aspek perancangan, pengkaji ingin mengetahui sejauhmana perancangan makam sebagai tapak pelancongan keagamaan dan apakah proses pemindahan

termasuk memperbaiki struktur makam-makam yang mengalami kerosakan melibatkan implikasi kewangan. Berikut merupakan penjelasan responden:

“...Buat masa ini makam diraja ini belum dibolehkan untuk menjadi sebagai tapak pelancongan keagamaan. Walaupun kami menerima kunjungan daripada pelancong tapi pelancong yang datang itu sendiri merupakan kerabat dengan makam-makam di sini contohnya rombongan dari kedah datang ke sini adalah bertujuan untuk menziarah makam Raja Permaisuri Kedah yang dimakamkan di sini. Kunjungan mereka juga tidaklah kerap iaitu dalam satu tahun sekali. Segala berkenaan pembaikan kerosakan makam ada melibatkan kewangan dan bahagian maintenance makam ini sebenarnya dibawah bahagian projek sekiranya terdapat sebarang peruntukan diperlukan, kami akan memanggil bahagian projek dalam kadar segera”.

(AOMAIK-R2)

4.5.2 Perorganisasian

Untuk aspek pengorganisasian ini pula, pengkaji dapat mengetahui mengenai keterlibatan pihak MAIK dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam dan mengapa mereka terlibat dalam pemuliharaan dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam. Berikut merupakan penjelasan responden:

“...Pengurusan yang merangkumi mengurus kakitangan seramai 8 orang termasuk Mandor dan Pekerja Am, mengendalikan kebersihan makam dan mengendali pemakaman jenazah termasuk gali kubur. Pihak kami memulihara

dan melindungi makam-makam ini kerana makam ini merupakan objek sejarah yang boleh memberi bukti adanya jasad si mati dikebumikan di sini. Pentingnya menjaga makam-makam ini untuk terus terpelihara agar boleh dipertontonkan kepada generasi akan datang terutama kepada cucu-cicit kaum kerabat si mati”.

(AOMAIK-R2)

4.5.3 Pengarahan

Untuk aspek pengarahan ini pengkaji ingin mengetahui bagaimana mereka mengurus pelancong atau pelawat yang berkunjung menziarah makam dan apakah terdapat sebarang aturan untuk menziarahi makam di Makam DiRaja Langgar. Berikut merupakan pernyataan dari responden:

“...Untuk setakat ini kami tidak pernah dikunjungi oleh pelancong luar dan sekiranya berniat untuk berkunjung bolehlah memberitahu terlebih dahulu kepada pihak kami. Tidak ada sebarang peraturan yang ditetapkan kecuali jika merosakkan harta benda makam tanpa kebenaran maka akan dihalau serta merta”.

(AOMAIK-R2)

4.5.4 Pengendalian

Untuk aspek pengendalian pula pengurusan Makam DiRaja Langgar sepanjang pandemik covid-19 dan apakah alternatif yang dilakukan untuk memastikan sistem maklumat makam ini sentiasa dikemaskini. Berikut merupakan keterangan responden:


“... Pengurusan makam sepanjang pandemik covid-19 iaitu waktu disingkatkan untuk dibuka dari jam 8.00 pagi sehingga 3.00 petang dan kawalan


penjagaan oleh pengawal keselamatan pada waktu malam bermula dari jam 7.00 malam sehingga 7.00 pagi”. Alternatif yang digunakan adalah dengan mengemaskini di dalam portal laman rasmi MAIK dan keluarga kerabat boleh mengetahui maklumat makam-makam yang ada dan masih mempunyai kekosongan di Makam D’Raja Langgar lalu seterusnya boleh berhubung dengan pihak kami atau terus kepada setiausaha sulit Sultan Kelantan untuk memohon kebenaran untuk pemakaman”.

(AOMAIK-R2)

4.6 ANALISIS TEORI

Rajah 4.1 : Kerangka Teori Pengurusan Henry Fayol (1916)





Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan fungsi-fungsi pengurusan teori pengurusan organisasi Henry Fayol (1916) ini dapat diaplikasikan dalam kajian terhadap peranan pihak pengurus yang menjalankan tanggungjawab dan tugas dalam mengurus sesebuah organisasi. Pendedahan terhadap fungsi-fungsi pengurusan dapat memperlihatkan bagaimana seorang pengurus mengurus struktur organisasi. Setiap aspek dalam fungsi pengurusan ini penting untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Analisis teori ini dilakukan untuk melihat bagaimana peranan pihak pengurus mengaplikasikan teori pengurusan Henry Fayol (1916).

Perancangan


Perancangan merupakan pemilihan yang menggunakan anggaran atau andaian untuk tempoh tersebut muncul dengan kaedah menerangkan dan merumuskan aktiviti yang dilakukan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Berdasarkan dapatan pengkaji, Makam D'Raja Langgar ini dibina kerana kedudukan makam ini berhampiran masjid mukim. Pelaksanaan makam yang berdekatan masjid ini bertujuan memudahkan proses pengebumian dengan sembahyang jenazah di Masjid Kg Langgar terlebih dahulu seterusnya baru dibawa ke Makam D'Raja Langgar untuk dilakukan pengebumian. Dalam teori pengurusan Henry Fayol (1916) ada menyatakan pengurusan tanpa perancangan tidak dapat menyelesaikan masalah dan mencapai

tujuan yang diinginkan (Sukarna,2011). Hal ini dapat dilihat bagaimana pihak MAIK membuat perancangan dalam memuatkan makam-makam mengikut kapasiti yang ada di Makam D'Raja Langgar. Anggaran kapasiti makam yang boleh ditampung oleh Makam D'Raja Langgar pada setiap petak ialah pada petak A mempunyai 39 buah makam dengan anggaran 25 ruang kosong, petak B pula mempunyai 113 buah makam dengan anggaran 4 ruang kosong, petak C yang merujuk Makam Kerabat Dewa (I) dengan keluasan 2,816 ka memuatkan sebanyak 72 makam manakala petak D yang merujuk Makam Kerabat Dewa (II) dengan keluasan 1,320 ka hanya dapat memuatkan sebanyak 23 makam. Petak E merupakan tempat yang menempatkan jenazah kaum kerabat terdekat, bahagian ini telah padat dan hanya beberapa ruang sahaja yang kosong. Keluasan keseluruhan petak E ini 7,608 ka dengan sebanyak 386 buah makam. Petak F juga merupakan bahagian yang menempatkan jenazah kaum kerabat juga dan hampir penuh kerana bahagian ini sahaja memuatkan sebanyak 520 buah makam. Keluasan keseluruhan makam ini ialah 16,452 ka. Petak G, H dan I merupakan kawasan kosong. Keluasan petak G ialah 9120kp dianggarkan mampu menampung sebanyak 285 buah Makam. Seterusnya, keluasan petak H ialah 1792kp dianggarkan mampu menampung sebanyak 56 makam. Petak H dengan keluasan 2560 kp dianggarkan dapat menampung 80 buah makam. Pelan tanah ini berdasarkan Pelan Akui (JUPEM). Kerja-kerja pengukuran dan penandaan Makam D'Raja Langgar menunjukkan penentuan tahap kerja yang dilakukan ini sistematik dan teratur.

Pengorganisasian

Pengorganisasian ini memperuntukan sumber, menyusun dan memberikan tugas serta menetapkan prosedur yang diperlukan. Pengorganisasian membentuk struktur syarikat yang menunjukkan garis kewibawaan dan tanggungjawab (Sukarna,2011).

Rajah 4.2 : Carta Organisasi Pengurusan Makam D’Raja Langgar



Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.4 : Senarai Kakitangan Petugas Makam D’Raja Langgar

Bil	Nama	Jawatan
1	Mazlan Bin Jusoh	Mandor
2	Mustapha Bin Nawi	Pekerja Am
3	Ab. Wahab Bin Jusoh	Pekerja Am
4	Mohammad Fikri Bin Mustapha	Pekerja Am
5	Che Mohd Khairulazman Bin Che Shamsudin	Pekerja Am
6	Zahari Bin Saufi	Pekerja Am
7	Alias Bin Jusoh	Pekerja Am
8	Abdullah Bin Seman	Pekerja Am
9	Jusoh Bin Jaafar	Pekerja Am

Sumber: Kajian Lapangan,2021

Berdasarkan carta dan senarai di atas menunjukkan pengurusan organisasi Makam D’Raja Langgar mempunyai struktur pembahagian tugas mengikut hierarki.

Pengurusan yang dilakukan oleh pihak MAIK adalah merekrut pekerja yang menjaga Makam D'Raja Langgar ini terdiri daripada kalangan penduduk Kampung Langgar dan kebanyakan mereka ini mempunyai latar belakang pendidikan setakat darjah 6 dan SPM. Mereka yang bekerja di Makam D'Raja Langgar ini telah berpengalaman cukup lama seperti Encik Abdullah Bin Seman yang merupakan salah satu pekerja paling lama berkhidmat sejak beliau berumur darjah 6 lagi beliau mula mengikuti bapa saudara beliau bekerja di makam ini dalam masa yang sama beliau menjadi wakil rakyat pada waktu itu. Dalam teori pengurusan Henry Fayol ada menyatakan dalam bahagian pengorganisasian hendaklah menempatkan pekerja di kedudukan yang betul dan paling sesuai (Sukarna, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa pihak MAIK melaksanakan penyelarasan tugas mengikut kesesuaian pekerja berdasarkan pengalaman dan latar pendidikan.

Pengarahan

Dalam teori pengurusan Henry Fayol (1916) menyatakan pengarahan berperanan menggerak dan mendorong semua anggota kumpulan supaya mereka dapat dan berusaha keras untuk mencapai tujuan dengan ikhlas dan selaras dengan perancangan dan usaha mengatur dari kepimpinan (Sukarna, 2011). Kejayaan pengarahan atau kepimpinan dapat dilihat berdasarkan faktor penyeliaan yang dilakukan oleh pihak MAIK dalam mengatur kakitangan agar bertugas mengikut bahagian masing-masing dan memantau secara berkala ke Makam D'Raja Langgar. Pemantauan yang dilakukan oleh pihak MAIK ini iaitu dari aspek kebersihan, kerja-kerja pengukuran dan keadaan makam. Kebersihan sangat penting kerana Makam D'Raja Langgar ini merupakan tanah perkuburan diRaja dan bila-bila masa sahaja pelawat yang terdiri daripada kerabat datang berziarah ke sana. Kerja-kerja pengukuran yang dilakukan bertujuan untuk menyusun makam-makam supaya diletakkan mengikut susunan dan

teratur. Keadaan makam juga harus dipantau sekiranya berlaku sebarang kecacatan atau makam tersebut mendap dan tertimbus dalam tanah maka pihak MAIK akan menjalankan kerja-kerja pembaikan dalam kadar segera bagi menyelamatkan struktur bahagian makam itu daripada hilang. Selain itu kerja-kerja mengali kubur ini juga terdiri daripada pekerja-pekerja am makam ini yang berperanan sebagai tukang kubur.

Pengendalian

Pengendalian ini dianggap penentuan apa yang mesti dicapai menilai pelaksanaan dan penambahbaikan kerja agar sesuai dengan rancangan dan sesuai dengan standard. Dalam teori pengurusan Henry Fayol (1916) menyatakan pengendalian ialah berkenaan penyelesaian alternatif yang mungkin dapat menyelesaikan masalah tersebut berlaku (Sukarna, 2011). Kawalan penjagaan Makam D'Raja Langgar ini berada di bawah pengawalan yang ketat kerana petugas pengawal keselamatan makam ini akan bertugas menjaga dari jam 7.00 pagi sehingga jam 7.00 malam. Hal ini kerana kekerapan berlakunya pencerobohan pada waktu malam. Seterusnya, pengkaji mendapati beberapa makam diletakkan di dalam bangunan dan seberapa buah makam lagi di kawasan yang terbuka dan terdedah. Pihak MAIK masih membuat perancangan untuk meletakkan kesemua makam di dalam bangunan yang bertujuan melindungi makam daripada tenggelam kerana mendapan. Di dalam bangunan juga pihak pengurusan menyediakan kemudahan lantai yang berkarpet untuk memudahkan pelawat yang menziarah untuk terus duduk di atas karpet yang disediakan dan keadaan makam juga terjaga tanpa ditumbuhi rumput-rumput.

4.7 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan analisis, seramai 5 orang responden yang dipilih dalam kalangan kakitangan yang mengurus makam untuk mengkaji kepentingan

perlindungan dan pengurusan Makam DiRaja Langgar. Hasil dapatan kajian melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dianalisis menunjukkan kebanyakan responden mengetahui mengenai sejarah dan latar belakang pembinaan Makam DiRaja Langgar.

Berkenaan keadaan semasa makam, pengendalian keatas kerosakan yang dialami oleh beberapa makam yang disebabkan pusu masih tidak dapat diselesaikan sedangkan sekarang untuk merawat binaan atau bangunan yang terjejas disebabkan masalah yang sama dengan pusu kemungkinan boleh diatasi dengan bahan-bahan kimia untuk mematikan sarang. Jenis kerosakan pusu yang dibawa oleh agen perosak jenis serangga dan serangga ini tidak dapat dikenal pasti kerana kebiasaan pusu ini dibawa oleh agen perosak jenis serangga anai-anai tetapi anai-anai ini merupakan serangga yang memakan kayu dan membina sarang pada kayu bukan pada batu seperti makam.


Seterusnya, peranan pihak bertanggungjawab ke atas Makam DiRaja Langgar masih berada pada tahap memuaskan kerana makam-makam disini dilindungi dan pengurusannya juga baik serta terkendali. Pengkaji dapat melihat bagaimana makam-makam ini diletakkan di tempat yang terlindung dari hujan dan cahaya matahari. Hal ini dapat melindungi keadaan fizikal makam daripada mengalami kerosakan seperti luntur, terhakis dan merekah atau pecah. Selain itu, adanya pelan susunatur makam ini menunjukkan pengurusan makam ini cekap dan teratur dalam menempatkan makam-makam.

Pengaplikasian Teori Pengurusan Henry Fayol (1916) ini menunjukkan pengurusan yang dilakukan oleh pihak MAIK ke atas perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar berjaya dan bersesuaian dengan pelaksanaannya. Walaupun masih terdapat kelemahan-kelemahan yang didapati seperti tidak melibatkan kerjasama dengan pihak muzium atau Jabatan Warisan Negara dalam


pemuliharaan makam-makam lama tetapi MAIK masih dapat mengekalkan makam-makam lama dan berusaha melindunginya.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB V

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini membincangkan rumusan secara ringkas mengenai keseluruhan bab yang dikaji iaitu dari bab 1 hingga bab 5 berkaitan kepentingan perlindungan dan pengurusan Makam DiRaja Langgar. Kajian ini meliputi pengenalan, sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan metodologi kajian iaitu kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data kajian. Seterusnya, penganalisan data bagi dapatan kajian diperolehi dari pengumpulan data yang menjadi hasil akhir dengan menggunakan kaedah yang dipilih. Manakala, rumusan pada bab akhir ini merupakan keseluruhan akhir mengenai pengurusan oleh pihak berkepentingan terhadap Makam DiRaja Langgar.

Bab 1 membincangkan mengenai pengenalan kajian yang terdiri daripada pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Makam DiRaja Langgar boleh dijadikan sebagai tapak warisan kerana di makam itu mempunyai makam-makam lama, berdasarkan sejarah Kelantan ini diantara mereka merupakan tokoh terpenting yang telah menyatukan negeri Kelantan dalam satu pentadbiran suatu ketika dahulu. Oleh itu, penting untuk pengkaji mengkaji mengenai Makam DiRaja Langgar ini untuk mengetahui kepentingan perlindungan dan pengurusan oleh pihak berkepentingan terhadap warisan makam tersebut. Kaedah kajian bab ini, secara ringkasnya membincangkan kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data mengenai kajian yang dilakukan. Hal ini bertujuan agar setiap data yang dikumpul tepat dan membantu dalam proses analisis kajian bagi mencapai matlamat dan objektif kajian.

Seterusnya, dalam Bab 2 pula membincangkan mengenai sorotan kajian dan kerangka teori kajian ini. Beberapa pandangan dan pendapat dihuraikan berkenaan kajian-kajian pengurusan terhadap makam yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji menemui beberapa kajian mengenai pengurusan terhadap makam yang memfokuskan kepada makam sebagai tempat pelancongan keagamaan manakala kajian ini memfokuskan kepada pengurusan kakitangan terhadap perlindungan makam. Sorotan kajian lepas yang diperolehi itu terdiri daripada jurnal, artikel dan tesis. Teori dan kerangka teori yang digunakan adalah Teori Pengurusan Henry Fayol (1916). Penggunaan teori dalam kajian ini bertujuan mengetahui lebih dalam mengenai beberapa bahagian pengurusan yang diaplikasikan dalam menguruskan Makam DiRaja Langgar. Namun begitu, kajian ini merupakan kajian pertama yang mengkaji kepentingan pengurusan dan perlindungan warisan Makam DiRaja Langgar yang menggunakan teori pengurusan.

Selain itu, dalam bab 3 mengandungi metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam proses pengumpulan data berdasarkan pemerhatian dan temubual. Dalam kajian ini menggunakan dua teknik dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ini merupakan kaedah pengumpulan data melalui transkrip temubual responden. Data sekunder pula dapat diperolehi berdasarkan sumber-sumber ilmiah seperti jurnal, artikel, tesis dan laporan rasmi yang dapat mengukuhkan data primer. Pengkaji menggunakan teknik persampelan 'Purposive Sampling' iaitu dengan memilih informan yang berpengetahuan luas berkaitan kajian ini. Kaedah analisis data yang pengkaji lakukan adalah analisis tematik dengan menganalisis transkrip berdasarkan rakaman audio bersama responden.

Akhir sekali, dalam rumusan bab 4 adalah pengkaji mempersembahkan analisis data yang diperolehi daripada hasil temu bual dengan pihak responden. Dalam bab ini,

pengkaji menyatakan berkenaan maklumat latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, umur, taraf pendidikan dan jawatan. Perbincangan didalam bab ini tertumpu kepada analisis data yang terdiri daripada tema dan subtema. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji menyatakan secara ringkas untuk tema dan subtema tersebut bagi mudah difahami. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual dengan responden terdiri daripada pegawai MAIK, imam muda Makam DiRaja Langgar, dan pekerja am Makam DiRaja Langgar. Responden yang dipilih adalah berdasarkan pengalaman dan berpengetahuan terhadap perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar. Dalam bab ini juga turut dinyatakan berkenaan kerangka teori Pengurusan Henry Fayol (1916) setelah hasil kajian yang menunjukkan keputusan akhir diperolehi daripada analisis data.

Secara kesimpulannya, kesemua bab-bab ini amat penting kepada pengkaji dalam menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang baik. Proses dalam menghasilkan satu kajian ini mengambil tempoh yang agak panjang untuk dapatkan data kerana perlu melalui sesi temubual bersama responden secara bersemuka. Oleh itu, sebuah kajian ini dapat dihasilkan bertujuan untuk kegunaan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang.

5.2 CADANGAN

Berdasarkan analisis data yang diperolehi pengkaji mendapati hasil kajian ini memerlukan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan prestasi dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar.

5.2.1 Penglibatan Organisasi Luar

Dalam hasil kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati pengurusan Makam DiRaja Langgar merupakan bangunan yang dikendalikan oleh Majlis Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK). Pemuliharaan makam-makam lama di bangunan makam ini tidak

melibatkan sebarang kerjasama dengan badan organisasi permuziuman atau Jabatan Warisan Negara (JWN). Hal ini kerana makam-makam lama ini merupakan satu warisan kerana mempunyai nilai sejarah mengenai tokoh-tokoh yang berjasa terhadap kegemilangan negeri Kelantan. Selain itu juga, makam-makam lama ini tidak dilakukan pengasingan tempat. Makam-makam lama ini seharusnya diletakkan dibawah satu bangunan yang dikhaskan dan dipagar agar pengawalan terhadap keselamatan makam lebih terjamin.

5.2.2 Sebagai Tapak Pelancongan Keagamaan

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa Makam DiRaja Langgar ini belum dijadikan tapak pelancongan oleh kerana bangunan makam ini milik Sultan Kelantan dan belum diperkenankan oleh baginda agar makam ini dijadikan sebagai tapak pelancongan. Oleh kerana makam ini mempunyai makam-makam lama yang terdiri daripada makam Raja Long Yunus, Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah), Raja Pattani dan lain-lain lagi, ianya juga mempunyai nilai-nilai sejarah mengikut zaman pemerintahannya. Selain itu, pengkaji berpendapat untuk menyarankan agar membuat satu sudut maklumat mengenai sejarah makam-makam lama seperti Raja Long Yunus dan lain-lain. Hal ini kerana terdapat makam Raja Loyor di Jembal dan Raja Abdullah di Melor mempunyai sudut maklumat mengenai sejarah tokoh tersebut.

5.3 Penutup

Secara keseluruhannya, Makam DiRaja Langgar ini merupakan sebuah bangunan atau kompleks yang memiliki beberapa buah makam warisan. Warisan makam bersejarah ini perlulah dilindungi dan dipulihara agar sejarah tokoh yang berjasa terhadap negeri

Kelantan ini tidak dilupakan. Oleh itu amat penting warisan makam ini dilindungi dengan melakukan projek pemuliharaan oleh berbagai organisasi luar.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan Teori Pengurusan Henry Fayol (1916). Teori Pengurusan ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan iaitu berkenaan perlindungan dan pengurusan oleh sesebuah organisasi terhadap Makam DiRaja Langgar. Teori ini bertujuan untuk melihat bagaimana pihak berkepentingan mengaplikasikan beberapa elemen pengurusan dalam menguruskan Makam DiRaja Langgar.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan ini memperlihatkan sejauhmana usaha yang dijalankan oleh pihak berkepentingan terhadap perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar. Peranan pihak berkepentingan ini sangat penting agar pengurusan yang dilakukan oleh mereka sentiasa dalam keadaan teratur dan efisien. Melalui peranan pihak berkepentingan ini pengkaji mendapati bahawa usaha pemuliharaan dalam mengekalkan warisan makam-makam ini masih dalam keadaan terkawal dan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- "bab i pendahuluan 1.1 latar belakang - Academia.edu."
https://www.academia.edu/36963549/BAB_I_PENDAHULUAN_1_1_LATAR_BE_LAKANG. Accessed 26 Feb. 2022.
- "BAB II KAJIAN TEORI DAN PENGEMBANGAN HIPOTESIS. Menurut"
<https://123dok.com/document/y93wpmdu-kajian-teori-pengembangan-hipotesis-menurut-henry-organisasi-pengelompokan.html>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "(DOC) Proses dan Fungsi Pengurusan | Wan Haia - Academia.edu."
https://www.academia.edu/11680142/Proses_dan_Fungsi_Pengurusan. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Gali harta warisan satu kesalahan - Polis - SINAR HARIAN." 23 Mar. 2020,
<https://www.sinarharian.com.my/article/75162/BERITA/Tragedi/Gali-harta-warisan-satu-kesalahan-Polis>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "GARIS PANDUAN PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN."
<https://khairulhikamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "kajian ragam hias makam tua karaeng palengkei."
https://digilibadmin.unismuh.ac.id/upload/8899-Full_Text.pdf. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Konvensi UNESCO 2001, Perlindungan Warisan Budaya Bawah Laut." 10 Mar. 2021,
<https://jurnalmaritim.com/konvensi-unesco-2001-perlindungan-warisan-budaya-bawah-laut/>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Kubur sudah dipindahkan mengikut syarak - MAIK - Harian Metro." 9 Dec. 2018,
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/402081/kubur-sudah-dipindahkan-mengikut-syarak-maik>. Accessed 26 Feb. 2022.

- "Langgar Adalah Masjid Kecil untuk Beribadah, Bagaimana" 18 Dec. 2019, <https://www.cekaja.com/info/langgar-adalah-masjid-kecil-untuk-beribadah>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Makam Diraja Langgar terus dikunjungi rakyat jelata - SINAR HARIAN." 29 Sept. 2019, <https://www.sinarharian.com.my/article/49863/EDISI/Kelantan/Makam-Diraja-Langgar-terus-dikunjungi-rakyat-jelata>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Memastikan Kesenambungan Warisan - Rencana | mStar." 4 Jun. 2010, <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2010/06/04/memastikan-kesenambungan-warisan>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "pemeliharaan warisan brunei melalui konvensyen antarabangsa" http://www.academia.edu/35396351/PEMELIHARAAN_WARISAN_BRUNEI_MELALUI_KONVENSYEN_ANTARABANGSA_UNESCO. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Pengumpulan data kualitatif - SlideShare." 1 Apr. 2013, <https://www.slideshare.net/rikuwa/pengumpulan-data-kualitatif>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Perlindungan Terhadap Warisan Budaya Takbenda." <http://pusdiklat.kemendag.go.id/v2019/article/perlindungan-terhadap-warisan-budaya-takbenda>. Accessed 26 Feb. 2022.
- "Sejarah DYMM Long Yunus." http://www.kerabatdrajadymmlongyunus.com.my/Long_Yunus.html. Accessed 26 Feb. 2022.
- "SISTEM MAKLUMAT MAKAM D'RAJA LANGGAR - MAIK." <http://onlineapp.e-maik.my/makam/MAKAMlist.asp>. Accessed 26 Feb. 2022.
- (2018, December 9). MOTAC minta kerja pemindahan jenazah Makam Lama dihenti Retrieved February 26, 2022, from <https://malaysiagazette.com/2018/12/09/motac-minta-kerja-pemindahan-jenazah-makam-lama-dihenti-sementara/>

(2018, December 9). Pemindahan makam lama di Kelantan tidak teratur - SINAR HARIAN. Retrieved February 26, 2022, from <https://www.sinarharian.com.my/article/2201/BERITA/Pemindahan-makam-lama-di-Kelantan-tidak-teratur>

Azhar, A. (2002). Perlindungan Benda Cagar Budaya Di Kota Palembang Dalam Perspektif Sosiologi Hukum. In *Proceeding Seminar Perlindungan Terhadap Benda-benda Peninggalan Sejarah Dan Purbakala di Kota Palembang* (Vol. 1, No. 1, pp. 31-47). Program Studi Ilmu Hukum Pasca Sarjana UNIVERSITAS SRIWIJAYA.

Baco, Z. (2018). Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881â€“2012). *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 2(1).

Habsari, N. T. (2017). Makam Kuno Belanda (Kerkhof) di Kabupaten Ngawi dan Potensinya Sebagai Sumber Belajar Sejarah Lokal. *AGASTYA: JURNAL SEJARAH DAN PEMBELAJARANNYA*, 7(2), 68-83.

KENDAL, K. K. PENGELOLAAN WISATA RELIGI MAKAM SUNAN.

Mustaffa, M. S., & Ahmad, R. (2005). PENDEKATAN TEMUBUAL SEBAGAI METOD KAJIAN KES. SUATU PERSEPSI DI KALANGAN PELAJAR PEREMPUAN CEMERLANG TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING. In *3rd International Qualitative Research Convention 2005*.

PESONA, P. S., & SAI, A. PENGELOLAAN WISATA RELIGI MAKAM MBAH HASAN MUNADI DAN HASAN DIPURO DI NYATNYONO KABUPATEN SEMARANG.

Satrio, A. J. (2012). Perlindungan Warisan Budaya Daerah Menurut Undang-Undang Cagar Budaya. *dalam Arkeologi Untuk Publik. Jakarta: Ikatan Ahli Arkeologi Indonesia*.

- Sidiq, S. S., & Huda, A. (2015). *Pengelolaan Fasilitas Objek Wisata Cagar Budaya Makam Raja Kecil Di Desa Buantan Besar Kabupaten Siak* (Doctoral dissertation, Riau University).
- Subadyo, A. T. (2005). Dampak pengelolaan obyek wisata budaya makam sunan bonang di Tuban terhadap lingkungan. *Diagonal Jurnal Ilmu-Ilmu Teknik*, 6(3), 31-45.
- Sumanti, S. T., Nunzairina, N., Rohani, L., & Achiriah, A. (2019). Makam Kuno dan Sejarah Islam di Kota Medan (Studi Atas Potensi Wisata Sejarah).
- Sumanti, S. T., Nunzairina, N., Rohani, L., & Achiriah, A. (2019). Makam Kuno dan Sejarah Islam di Kota Medan (Studi Atas Potensi Wisata Sejarah).
- Tucunan, K. P., Sulistyandari, U., & Perkasa, M. I. (2018). Artefak Dalam Konteks Perkembangan Kawasan Heritage Islam. *Jurnal Planologi*, 15(2), 134-148.
- Yuszaidy, M. Y., Hanapi, D., & Ab Samad, K. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64-77.
- Zuraidi, S. N. F., & Zainal Abidin Akasah, M. A. A. R. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke arah masa depan yang mapan*, 1-12.

LAMPIRAN

KEPENTINGAN PERLINDUNGAN DAN PENGURUSAN WARISAN KE ATAS KOMPLEKS MAKAM DIRAJA LANGGAR, KOTA BHARU, KELANTAN

Objektif Kajian

- iv. Meneroka latar belakang kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.
- v. Menghuraikan keadaan semasa kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.
- vi. Menganalisis peranan pihak bertanggungjawab dalam perlindungan dan pengurusan kompleks Makam Diraja Langgar, Kota Bharu, Kelantan.

SOALAN TEMUBUAL

Bahagian A (Maklumat Informan)

NAMA:

UMUR:

BANGSA:

JAWATAN:

Bahagian B (Maklumat Latar Belakang/Keadaan Semasa Makam)

I. Latar Belakang Makam

1. Apakah sejarah pembinaan Makam DiRaja Langgar?
2. Sejak bila Makam DiRaja Langgar mula dibina?

3. Siapakah tokoh-tokoh terpenting pada zaman kegemilangan Islam negeri Kelantan yang turut dimakamkan di dalam kompleks Makam DiRaja Langgar?
4. Mengapakah kompleks makam ini diberi nama “Makam DiRaja Langgar”?

II. Keadaan Semasa Makam

1. Bagaimanakah keadaan semasa makam-makam lama ketika ini di Makam DiRaja Langgar?
2. Apakah prosedur yang dilakukan untuk memindahkan makam-makam lama yang terjejas disebabkan faktor-faktor tertentu?
3. Apakah jenis kerosakan yang dikesan terhadap makam-makam lama yang terjejas?
4. Adakah keadaan fizikal makam-makam lama ini terdapat pengubahsuaian dari rupa bentuk asli?
5. Apakah projek pemuliharaan yang dilakukan demi melindungi warisan makam-makam lama oleh pihak berkepentingan.
6. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keadaan fizikal makam-makam lama dapat dikekalkan?

Bahagian C (Analisis Peranan)

1. Analisis peranan pihak bertanggungjawab terhadap Makam DiRaja Langgar dalam perlindungan dan pengurusan warisan berdasarkan aspek

a. Pengorganisasian

1. Siapakah yang terlibat dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar?

2. Mengapakah pihak/pakar dilibatkan dalam pemuliharaan dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam?

b. Perancangan

1. Sejauhmanakah perancangan dalam perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar sebagai tapak pelancongan warisan keagamaan sehingga kini?
2. Adakah perlindungan dan pengurusan warisan makam dalam memindahkan makam-makam lama termasuk memperbaiki struktur makam-makam yang mengalami kerosakan melibatkan implikasi kewangan?

c. Pengarahan

1. Bagaimanakah kepimpinan pihak pengurusan terhadap perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar dalam membimbing para pelancong atau pelawat yang menziarahi makam-makam lama.
2. Apakah prosedur dalam perlindungan dan pengurusan warisan makam yang ditetapkan kepada pelancong atau pelawat yang menziarahi?

d. Pengendalian

1. Bagaimanakah pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar terhadap perlindungan makam-makam lama sepanjang pandemik covid-19.
2. Apakah alternatif yang dilakukan dalam memastikan perlindungan dan pengurusan warisan Makam DiRaja Langgar beroperasi sepanjang pandemik covid-19

TRANSKRIP TEMUBUAL

Nama	Encik Mohamad Shahril Bin Che Man
Umur	30 Tahun
Bangsa	Melayu
Jawatan	Pen. Pegawai Hal Ehwal Agama Makam DiRaja Langgar

Responden	Transkrip
A	Assalamualaikum Encik Shahril, boleh saya tahu secara ringkasnya mengenai sejarah atau latar belakang Makam DiRaja Langgar?
B	Oh okay baiklah begini... sejarahnya lah kan dahulu Makam DiRaja Langgar tempatnya ini bukan dinamakan Kampung Langgar tetapi Kampung Gong Dermi. Kampung Gong Dermi ini dulunya sebuah kampung pedalaman. Apabila kemangkatan Raja Long Yunus dan baginda dikebumikan di tanah makam ini maka Makam D'Raja Langgar ini mula dikenali seterusnya membuka sejarah bagaimana kisah Raja Long Yunus semasa diserang Siam. Dengan bukti terdapat makam baginda di sini beserta makam Raja Pattani.
A	Bagaimana pula dengan sejarah makam ini mula dibina?
B	Untuk pengetahuan adik, sebenarnya tidak ada tarikh yang tepat diketahui bila makam ini mula dibina akan tetapi berdasarkan catatan dari MAIK mencatatkan makam ini mula dibina awal lagi sebelum kemangkatan pengasas pertama Kelantan iaitu Raja Long Yunus pada 1794 dan pada tahun 1798 tanah makam D'Raja dikenali sebagai tanah kubur bagi raja-raja, kerabat dan pembesar. Munculnya makam ini kerana Raja Long Yunus dimakamkan di sini bersama dengan kerabat-kerabat baginda. Usia makam-makam lama yang berada di sini juga dijangka mencecah sekitar 200-300 tahun
A	Ooo..begitu, baiklah seterusnya boleh saya tahu siapakah tokoh-tokoh penting yang turut dimakamkan disini?
B	Erm...nak tengok tak makam-makam sini sambil saya perkenalkan tokoh-tokoh yang cukup dikenali di negeri Kelantan?
A	Aaah?..boleh boleh kalau encik izinkan saya untuk mengambil gambar juga.

B	Boleh, silakan... Ini merupakan kawasan yang menempatkan kaum kerabat Raja Long Yunus. Kebanyakan makam-makam di sini terutama yang kubur anak tidak dapat dikenal pasti bahkan sebelah Makam Raja Long Yunus tidak dapat saya kenalpasti juga sama ada makam ibunya atau isterinya. Bahagian bangunan utama yang berada petak Makam D'Raja (I) dan (II) ini (rujuk gambar 4.1) merupakan makam-makam raja termasuk pembesar dan tokoh-tokoh penting yang menyumbang kepada zaman kegemilangan Islam negeri Kelantan. Makam-makam disini bukan sahaja terdiri kalangan diraja akan tetapi terdapat juga kalangan pembesar dan ulama.
A	Oh begitu... saya faham dah sebab ingat golongan raja saja di dalam ini ternyata ade juga golongan pembesar dan ulama. Baiklah kite pergi ke soalan seterusnya... mengapakah nama makam ini diberi Makam DiRaja Langgar?
B	Makam ini diberi nama "Langgar" kerana langgar itu sendiri merupakan bahasa klasik yang bermaksud tempat pengebumian raja-raja dan pembesar. Selain itu juga "Langgar" ini bermaksud tempat agama atau surau. Makam D'Raja pula bermaksud makam-makam yang berketurunan raja dan pembesar D'Raja.
A	Ermmm ...faham. Okay boleh saya lihat keadaan makam-makam lama?
B	Boleh boleh ...
A	Ermmm... boleh saya tahu kenapa kat atas makam tu rupanya begini ?
B	Keadaan makam ini begini sejak pada mulanya lagi bersama-sama makam Sultan Muhammad I tapi lagi besarnya makam Sultan Muhammad I.
A	Memang tak boleh dibuang ke? atau dipulihkan?
B	Okay begini, makam yang mengalami kerosakan seperti sarang anai atau pusu ini tidak dapat dibaik pulih kerana apabila melakukan proses mengikis pusu ini tetap sahaja pusu ini akan semakin membesar kerana ianya hidup dan dibawah makam tu sepertinya mempunyai air yang menyebabkan sarang pusu itu hidup dan semakin membesar.
A	Oh faham...baiklah. Lalu kenapa batu kubur ini sepertinya mengalami kesan pecah?

B	Batu-batu kubur jenis bujur dan bulat ini kebanyakan mengalami kerosakan dan mempunyai kesan ketukan pada permukaan batu tersebut kerana diketahui ade pendatang yang menceroboh masuk ke makam ini.
A	Boleh saya tahu bagaimana dengan proses pemindahan jika sekiranya berlaku sebarang masalah?
B	Baiklah saya tunjukkan satu makam ini yang akan dilakukan proses pemindahan. Makam ini dalam proses pemindahan kerana kedudukan makam ini dalam keadaan senget dan terkeluar dari petak asal yang disebabkan pergerakan tanah. Agak sukar juga proses pemindahan ini kerana makam ini berat dan mengambil masa yang lama juga untuk memindahkan makam ini kerana perlu teliti dalam memastikan kedudukan makam yang senget itu tidak berlaku lagi
A	Bagaimana keadaan semasa makam-makam di sini sekarang?
B	Masih dalam pembaikan lagi kawasan ini supaya dapat meletakkan makam agar lebih tersusun.
A	Makam-makam ini pernah mengalami perubahan rekabentuk asal makam ke?
B	Mengikut pengetahuan saya makam-makam raja di sini belum pernah mengalami perubahan bentuk asli makam kerana senibina makam masih lagi utuh dan kukuh kecuali makam-makam yang tertimbus dalam tanah dan batu nisannya hilang barulah diperbaharui makamnya. Kebanyakan makam yang tertimbus dalam tanah sukar dikenal pasti identitinya.
A	Oh okay faham.. baiklah saya nk tanya juga adakah terdapat projek pemuliharaan dilakukan atau ada sebarang penglibatan pihak luar seperti muzium?
B	Projek pemuliharaan ini merupakan tugas dibawah bidang pembangunan (MAIK) dan setakat ini projek pemuliharaan yang dilakukan adalah memperluaskan kawasan kubur dan mengalihkan makam-makam yang tertimbus mengikut kawasan-kawasan ditetapkan. Projek pemuliharaan ini masih dalam proses dan kemungkinan dalam masa 3 tahun ke depan, susun atur makam juga akan lebih rapi dan kemas. Setakat ini hanya melibatkan MAIK.

A	Ooo...okay. Bagaimana pula langkah-langkah mengekalkan keadaan fizikal makam menurut Encik Shahril?
B	Mengikut pengetahuan saya jika terdapat makam yang mengalami keretakan serius seperti pecah terbelah akan digantikan makam yang berbahan lebih kukuh dari sebelum ini
A	Ok...faham. Hanya itu sahaja yang saya perlukan daripada Encik Shahril. Terima kasih kerana sudi memberi kerjasama dalam memberikan maklumat mengenai makam ini.
B	Sama-sama. Semoga dipermudahkan urusan tesis adik.
A	Amin. Terima kasih

Nama	Encik Wan Sahak Bin Wan Mustafa
Umur	55 Tahun
Bangsa	Melayu
Jawatan	Penolong Pegawai Kanan Tadbir (Administration Officer)

Responden	Transkrip
A	Assalamualaikum Encik Sahak... boleh kite mulakan sesi temubual kite?
B	Walaikumsalam, ye boleh.
A	Soalan pertama saya ialah apakah sejarah Makam DiRaja Langgar ini?
B	Yang saya tahu Makam D'Raja Langgar ini mula ditubuhkan seiring penemuan makam Raja Long Yunus dan terdapat juga makam-makam yang tidak dapat dikenal pasti pada masa itu. Kawasan makam ini dulu sebenarnya Kampung Gong Dermi dan mula ditukarkan kepada Kampung Langgar.
A	Bila makam ini mula dibina?
B	Ada kemungkinan sekitar abad ke-18 makam ini mula dibina.
A	Bagaimana dengan tarikh?
B	Ha...untuk tarikh pula tidak dapat diketahui kesahihan bila sebenarnya makam ini mula dibina hanya berpandukan tarikh pada makam-makam yang berada di sini untuk mengenalpasti usia makam ini.
A	Hmmm baiklah... ermmm, boleh saya tahu tokoh-tokoh yang dikenali yang turut dimakamkan di sini?
B	Mengikut pengetahuan saya selain kerabat Raja Long Yunus, terdapat juga makam kerabat Sultan Muhammad I serta Raja Dewa.
A	Bagaimana makam-makam yang lain?
B	Kebanyakan makam-makam lain itu tidak dapat dikenalpasti dan berdasarkan senibina pada makam-makam lama ini jelas menunjukkan terdapat banyak pengaruh antara Jawa dan Pattani
A	Bagaimana dengan nama makam ini mengapakah diberikan nama "Makam DiRaja Langgar"?

B	Diberikan nama Makam D'Raja Langgar ini juga bersempena nama Kampung Langgar dan terdapatnya Masjid Kampung Langgar. Ejaan pada makna DiRaja ialah begini "D'Raja".
A	Hmmm... seterusnya saya ingin bertanya berkenaan keadaan makam yang sekarang ini yang ditumbuhi oleh sesuatu seperti pasir berbukit.
B	Oh itu, hmmm... kebanyakan makam jenis berbahan batu ditumbuhi pusu dan punca makam-makam ini ditumbuhi pusu pun tidak dapat dikenalpasti
A	Oh begitu... bagaimana untuk jenis kerosakan yang batunya diketuk sehingga meninggalkan kesan bentuk yang tak rata?
B	Saya tidak pasti mengapa ada sikap manusia yang seperti ini suka merosakan batu kubur. Kemungkinan batu itu sangat berharga. Apabila keadaannya seperti ini kawalan diperketatkan untuk pengunjung yang datang kecuali sememangnya kaum kerabat kepada makam-makam di sini.
A	Selain itu, saya juga ingin bertanya sekiranya proses pemindahan makam ini dilakukan dan hal itu dilakukan untuk tujuan apa sahaja?
B	Pemindahan makam ini hanya dilakukan sekiranya makam mengalami masalah seperti tenggelam, tidak stabil atau mengalami keretakan yang serius pada makam.
A	Saya melihat sekitar kawasan berhadapan pintu masuk itu agak penuh ye?
B	Ha ye makam-makam di sini dan juga ruang di petak E masih berselerak dan padat. Hal ini kerana keluasan tanahnya yang selagi boleh memuatkan ratusan makam.
A	Hmmm...begini, baiklah. Seterusnya, adakah makam-makam di sini pernah mengalami perubahan rekabentuk asli makam?
B	Rupa bentuk asli makam setakat ini belum lagi dilakukan perubahan atau menggantikannya kepada makam yang baru kecuali yang kuburnya mengalami kerosakan seperti tenggelam sehingga bahagian batu nisannya hilang baru dilakukan pembaharuan.
A	Apakah projek pemuliharaan yang pernah dilakukan?

B	Projek pemuliharaan belum ada lagi kerana yang dilakukan setakat ini adalah membuat pengukuran semula tanah untuk meletakkan mana-mana makam yang diletakkan berselerak ini dialihkan.
A	Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan keadaan fizikal makam dapat dikekalkan?
B	Sekiranya makam-makam lama yang mengalami kerosakan, kami akan mengambil tindakan segera contohnya makam yang mengalami kerosakan disebabkan mendapan, kami akan mengangkat semula dan kuburkan semula untuk memudahkan kerabat yang menziarah.
A	Pengurusan apakah yang dilakukan oleh Encik Sahak selaku AO?
B	Saya berperanan sebagai pembantu tadbir kanan yang mengurus kakitangan yang bekerja untuk menjaga makam. Pengurusan yang merangkumi mengurus kakitangan seramai 8 orang termasuk Mandor dan Pekerja Am, mengendalikan kebersihan makam dan mengendali pemakaman jenazah termasuk gali kubur.
A	Apakah tujuan pemuliharaan dalam perlindungan dan pengurusan makam?
B	Pihak kami memulihara dan melindungi makam-makam ini kerana makam ini merupakan objek sejarah yang boleh memberi bukti adanya jasad si mati dikebumikan di sini. Pentingnya menjaga makam-makam ini untuk terus terpelihara agar boleh dipertontonkan kepada generasi akan datang terutama kepada cucu-cicit kaum kerabat si mati.
A	Sejauhmanakah perancangan dalam perlindungan dan pengurusan makam DiRaja Langgar sebagai tapak pelancongan warisan keagamaan sehingga kini?
B	Buat masa ini makam D'Raja ini belum dibolehkan untuk menjadi sebagai tapak pelancongan keagamaan. Walaupun kami menerima kunjungan daripada pelancong tapi pelancong yang datang itu sendiri merupakan kerabat dengan makam-makam di sini contohnya rombongan dari kedah datang ke sini adalah bertujuan untuk menziarah makam Raja Permaisuri Kedah yang dimakamkan di sini. Kunjungan mereka juga tidaklah kerap iaitu dalam satu tahun sekali.

A	Adakah perlindungan dan pengurusan makam dalam memindahkan makam-makam lama termasuk memperbaiki struktur makam-makam yang mengalami kerosakan melibatkan implikasi kewangan?
B	Ya, segala berkenaan pembaikan kerosakan makam ada melibatkan kewangan dan bahagian maintenance makam ini sebenarnya dibawah bahagian projek sekiranya terdapat sebarang peruntukan diperlukan, kami akan memanggil bahagian projek dalam kadar segera.
A	Kunjungan yang paling kerap diterima itu terdiri daripada kerabat atau pelancong?
B	Untuk setakat ini kami tidak pernah dikunjungi oleh pelancong luar dan sekiranya berniat untuk berkunjung bolehlah memberitahu terlebih dahulu kepada pihak kami.
A	Adakah terdapat peraturan khusus yang ditetapkan kepada pelancong atau pelawat tempatan?
B	Tidak ada sebarang peraturan yang ditetapkan kecuali jika merosakkan harta benda makam tanpa kebenaran maka akan dihalaui serta merta.
A	Bagaimanakah pengurusan makam sepanjang pandemik covid-19?
B	Pengurusan makam sepanjang pandemik covid-19 iaitu waktu disingkatkan untuk dibuka dari jam 8.00 pagi sehingga 3.00 petang dan kawalan penjagaan oleh pengawal keselamatan pada waktu malam bermula dari jam 7.00 malam sehingga 7.00 pagi.
A	Apakah alternative yang dilakukan untuk memastikan makam ini beroperasi sepanjang pandemik covid-19?
B	Alternatif yang digunakan adalah dengan mengemaskini di dalam portal laman rasmi MAIK dan keluarga kerabat boleh mengetahui maklumat makam-makam yang ada dan masih mempunyai kekosongan di Makam D'Raja Langgar lalu seterusnya boleh berhubung dengan pihak kami atau terus kepada setiausaha sulit Sultan Kelantan untuk memohon kebenaran untuk pemakaman
A	Baiklah, terima kasih Encik Sahak sebab sudi memberikan respon kepada soalan yang saya tujukan tadi.
B	Sama-sama semoga maklumat itu bermanfaat untuk kajian awak.
A	Insyallah, amin.

Nama	Abdullah Bin Seman (Pok Pa)
Umur	70 Tahun
Bangsa	Melayu
Jawatan	Pekerja Am Makam DiRaja Langgar

Responden	Transkrip
A	Assalammualaikum Encik Abdullah...
B	Hmm waalaikumsalam... panggil Pok Pa jelah mudah
A	Oh hahhahah baiklah... Pok Pa, boleh kita mulakan?
B	Boleh... silakan bertanya hahahahah
A	Hmmm boleh ke Pok Pa menceritakan serba sedikit mengenai sejarah Makam DiRaja Langgar?
B	Mengikut salahsilih raja-raja pertama yang berada dalam Makam D'Raja Langgar ini bermula dari Raja Long Yunus, seterusnya Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah), Sultan Muhammad III dan Sultan Muhammad IV. Makam ini sememangnya untuk keluarga DiRaja dan juga kerabat. Makam ini jauh lebih lama berbanding pembinaan Masjid Kampung Langgar.
A	Bila makam ini mula dibina?
B	Saya kurang pasti bilakah mulanya makam ini dibina akan tetapi semasa saya berada dan bekerja di sini sudah ada beberapa makam-makam lama yang saya perkirakan salah satunya makam Raja Long Yunus dan juga makam Raja Pattani.
A	Bagaimana dengan tokoh-tokoh terpenting zaman kegemilangan Islam Kelantan yang turut dimakamkan di sini?
B	Antara tokoh-tokoh terpenting yang ada dimakamkan di sini iaitu Raja Long Yunus, Sultan Muhammad I, Sultan Muhammad II, Sultan Muhammad III, Sultan Muhammad IV, Raja Dewa, Raja Pattani
A	Mengapa makam ini diberi Makam DiRaja Langgar?

B	<p>Nama tempat ini ‘Langgar’ disebabkan sejarahnya ada banyak surau-surau, ulamak terdahulu yang menamakan tempat ini Kampung Langgar jadi secara tidak langsung tanah perkuburan pon diberi nama Makam D’Raja Langgar yang mana makam ini dijadikan tempat yang khas untuk menempatkan jenazah raja-raja, keturunan raja dan para pembesar</p>
A	<p>Baiklah... seterusnya boleh saya tahu kenapa makam Raja Long Yunus ditumbuhi sarang berbukit dan kenapa dipagar?</p>
B	<p>Begini mek (panggilan untuk orang perempuan), ada kisah dahulu kenapa Raja Long Yunus dipagar kerana adanya pihak yang datang ingin merosakkan atau membuat kekacauan pada makam yang dinaiki pusu. Para ulama dahulu memberitahu kalau pusu ini dikikis semakin lama semakin marak atau membukit. Jadi kesimpulannya biarkan sahaja pusu itu hidup begitu. Kerana tidak ingin lagi berlaku kekacauan orang luar terhadap makam ini kami terpaksa mengunci pagar untuk makam Raja Long Yunus dan isterinya kerana ditakuti mereka melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama Islam atau syirik</p>
A	<p>Oh begitu... hmmm terus kalau yang makam sebelah sini kenapa rupa batu itu mempunyai kesan yang pecah atau ketukan?</p>
B	<p>Batu-batu kubur ini jadi begini sebab ada orang luar datang ‘sekeh’ (ketuk) pada batu untuk tujuan-tujuan tertentu mereka. Asal rupa batu yang sebenarnya besar dan berbentuk bulat atau bujur. Kemungkinan mereka melakukan sebegitu rupa kerana ada makna pada batu tersebut</p>
A	<p>Hmmm...menurut Pok Pa, bagaimana prosedur kerja-kerja pemindahan makam dilakukan?</p>
B	<p>Prosedur berkaitan pemindahan makam ini perlulah mempunyai kebenaran dari pihak MAIK atau MPKB terlebih dahulu. Untuk makam yang tertimbus dalam tanah akan diangkat dan diambil tanah hitam sahaja untuk dipindahkan dan ditanam semula. Selain itu juga untuk memindahkan makam juga perlulah mempunyai kebenaran dari pihak keluarga atau kerabat makam tersebut untuk mengelak menyentuh isu sensitiviti umat Islam</p>

A	Okay faham... hmmm boleh saya tahu bagaimana keadaan semasa makam sekarang kerana saya lihat terdapat beberapa tempat yang sarat dan padat dengan makam-makam yang tidak tersusun.
B	Nampak kubur-kubur yang terletak 'kucar' (berselerak) itu sebenarnya yang asal-asal, sebelum yang sekarang lebih nampak tersusun, Sekarang pun masih dilakukan kerja-kerja pembaikan dan pengukuran tanah semula untuk letakkan makam mengikut susunan.
A	Keadaan asal makam pernah mengalami perubahan?
B	Rupa bentuk makam yang jenis berbahan marmar ini sangat kukuh jadi amat mustahil untuk dilakukan perubahan
A	Ada libatkan apa-apa projek pemuliharaan?
B	Pemuliharaan setakat ini yang dilakukan adalah dengan melindungi makam-makam yang lama dengan memagar dan diletak kawasan yang terlindung beratap.
A	Menurut Pok Pa, apakah langkah-langkah mengekalkan keadaan fizikal makam?
B	Untuk melindungi makam-makam lama ini kami memagar makam itu supaya sentiasa terlindung daripada kekacauan pihak yang tidak bertanggungjawab.
A	Baiklah hanya itu sahaja. Terima kasih.
B	Sama-sama.

Nama	Encik Mustapha Bin Nawi
Umur	45 Tahun
Bangsa	Melayu
Jawatan	Pekerja Am

Nama	Encik Zahari Bin Saufi
Umur	52 Tahun
Bangsa	Melayu
Jawatan	Pekerja Am

Responden	Transkrip
A	Assalammualaikum... boleh kita mulakan
B	Waalaikumsalam boleh...
C	Waalaikumsalam boleh boleh..
A	Baiklah... boleh ceritakan sejarah Makam DiRaja Langgar secara ringkasnya?
B	Makam D'Raja Langgar ini mula ditubuhkan seiring penemuan makam Raja Long Yunus dan terdapat juga makam-makam yang tidak dapat dikenal pasti pada masa itu
C	Ya, setahu saya juga Masjid Kampung Langgar ini dibina selepas Makam DiRaja Langgar dirasmikan tanah perkuburan D'Raja dan pada waktu itu terdapat makam Raja Long Yunus berserta kerabatnya.
A	Bilakah makam ini mula dibina?

B	Dengar cerita daripada penduduk sini, mereka berpendapat Raja Long Yunus tidak mangkat di kawasan ini tetapi warga penduduk yang memindahkan jenazah Raja Long Yunus pada waktu itu di Pengkalan Galoh untuk dikebumikan di Makam D'Raja Langgar. Pada waktu itulah kemungkinan makam mula dibina.
C	Tahun pembinaan makam ini tidak dapat dikenal pasti tetapi dalam sekitar 1794 sehingga 1798 makam ini mula dibina oleh penduduk kampung.
A	Siapa tokoh terpenting yang turut dimakamkan di sini?
B	Di sini juga terdapat makam Raja Pattani. Seingat saya lah ada satu makam Raja Pattani yang dikebumikan di sini sebenarnya asal dari tempat lain tetapi dipindahkan ke langgar. Usia makam dia pon dah hampir 200 tahun. Sebab makam itu dipindah supaya makam itu dilindungi dan ini juga permintaan daripada kerabat keluarga Raja Pattani itu sendiri
C	Untuk sesiapa yang ingin kebumikan mayat di sini perlulah mendapat perkenan Sultan Kelantan terlebih dahulu dan ianya mestilah berdarah atau berketurunan raja". Manakala tanah kosong di petak G ini merupakan tanah wakaf dan Sultan Kelantan telah perkenan sekiranya keluarga pewakaf ingin mengebumikan mayat keluarga mereka di sini.
A	Hmmm..okay. Seterusnya, bagaimana makam ini dinamakan Makam DiRaja Langgar?
B	Gelaran Makam D'Raja Langgar bermaksud makam yang dikhaskan untuk kaum kerabat raja-raja

C	Gelaran Makam D'Raja Langgar bermaksud makam yang dikhaskan untuk kaum kerabat raja-raja
A	Oh begitu... okay kita beralih kepada keadaan makam yang kelihatan ditumbuhi sarang dan ada kesan retak pada batu nisan. Bagaimana jenis kerosakan yang dikesan?
B	Pernah dilakukan untuk mengakis pusu ini akan tetapi pusu itu masih akan tumbuh bahkan malah membesar. <i>Jenis batu kubur ini cantik secara aslinya kerana mempunyai kilauan pada batu itu seperti batu jed atau kristal oleh itu mereka tertarik melakukan kerosakan tersebut untuk mengambil sebahagiannya.</i>
C	Disebabkan pusu ini tumbuh, makam dalam keadaan yang tertutup permukaan juga bentuk. <i>kubur-kubur yang mengalami kerosakan seperti ini tidak dapat dielakkan lagi selain memguatkan kawalan keselamatan pada Makam D'Raja Langgar</i>
A	Baiklah seterusnya, sekiranya berlaku sesuatu kecacatan pada kedudukan makam, apakah tindakan yang diambil?
B	Untuk memindahkan makam dari satu tempat ke satu tempat akan dikerjakan oleh kami sendiri para pekerja am.
C	Sangat penting memastikan kedudukan susunan makam dalam teratur kerana itu sekiranya terdapat beberapa makam yang kedudukannya tidak seragam maka ia akan diangkat dan dipindahkan untuk diletakkan ke dalam kawasan yang telah diukurkan ketepatan petak setiap makam.
A	Bagaimana keadaan makam sekarang menurut encik berdua?
B	Kebanyakan kubur-kubur kecil yang diletakkan berselerak.

C	Makam-makam yang diletakkan berselerak ini kerana disebabkan oleh pengurusan terdahulu yang belum tahu membuat pengukuran tanah dan oleh itulah mereka terpaksa menentukan jenazah dimakamkan ke kawasan mengikut kesesuaian mereka.
A	Apakah pandangan encik berdua berkenaan rupa bentuk asal makam disini adakah masih dikekalkan atau mengalami perubahan?
B	Makam-makam ini masih mengekalkan rupa bentuk asal tanpa kerosakan yang teruk dialami dan makam-makam disini sentiasa dijaga dan diurus agar sentiasa bersih.
C	Yang pasti makam disini tidak pernah mengalami perubahan rupa bentuk asal sekiranya diubah maka secara tidak langsung pengaruh senibina pada makam tersebut tidak dapat dikenali
A	Baiklah bagaimana dengan projek pemuliharaan makam ini adakah melibatkan mana-mana pihak luar?
B	Setahu saya projek pemuliharaan belum pernah dilakukan kecuali projek yang pernah dilakukan itu hanya untuk memperbesarkan kawasan makam.
C	Saya kurang pasti pemuliharaan makam-makam ini mempunyai kerjasama organisasi lain sebab setahu saya Makam DiRaja Langgar ini dibawah pentadbiran MAIK
A	Hmmm.. baiklah, terakhir saya ingin mengetahui apakah langkah-langkah dalam mengekalkan keadaan fizikal makam ?
B	Makam-makam yang mengalami kerosakan akan diganti dengan sesuatu yang lebih kukuh dan sekiranya makam yang tenggelam itu sudah kehilangan batu nisan maka tanah hitam akan diangkat dan dikuburkan

	semula serta diletakkan batu nisan yang baru akan tetapi kubur itu akan menjadi kubur yang tidak dikenali kerana tidak dapat dikenalpasti.
C	untuk melindungi keadaan fizikal makam lebih terjaminnya jika dibina berupa rumah yang beratap untuk mengelakkan makam-makam terdedah dengan air hujan atau pancaran cahaya matahari.
A	Baiklah selesai sudah soalan saya. Terima kasih atas kerjasamanya.
B	Sama-sama.
C	Sama -sama, tidak ada masalah.